


Jilid I  
Bil. 95



Hari Khamis  
5hb Disember, 1991

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 15435]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1992:**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B. 22, B. 23 dan B. 24 [Ruangan 15477]**

**Maksud B. 25 [Ruangan 15519]**

### **USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1992:**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P. 22, P. 23 dan P. 24 [Ruangan 15477]**

**Maksud P. 25 [Ruangan 15519]**

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAN MOHD. NAJIB BIN TUNHAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAHAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (BeSUt).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAIOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHHAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Belong),
- „ Setiausaha Parlimen, Kementehaan Pertanian, TOAN MOHD. SHARIPP BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing),
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAH OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap),
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau),
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
  - „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
  - „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
  - „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
  - „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
  - „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
  - „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
  - „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
  - „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
  - „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
  - „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
  - „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
  - „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
  - „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
  - „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
  - „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
  - „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
  - „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
  - „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
  - „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
  - „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
  - „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
  - „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
  - „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
  - „ DATOK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
  - „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
  - „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
  - „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
  - „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
  - „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Inlan).
  - „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
  - „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.I.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAIHAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit SulODg).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batatig Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

**DEWAN RAKYAT**

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd, Thani.

Zaharah hinti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

Khamis, 5hb Disember, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2,30 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Penua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****BERITA PERDANA—WAKTU  
SIARAN**

1. **Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Berita Perdana jam 8.00 malam dapat ditukarkan kepada jam 9.00 malam agar masyarakat Islam yang bersembahyang Maghrib dan Isya' di surau-surau dapat menikmati bersama rancangan Berita tersebut yang banyak mengandungi berita yang berguna kepada masyarakat keseluruhannya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan);** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, masa siaran bagi Berita Perdana telah dikaji dengan teliti oleh Jemaah Kabinet yang memutuskan bahawa masa yang amat sesuai adalah jam 8.00 malam. Justeru itu, Kerajaan telah mengarahkan supaya semua stesen-stesen televisyen Kerajaan dan swasta memastikan Berita Perdana disiarkan pada jam 8.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian Kementerian, masa ini adalah paling sesuai kerana ianya merupakan masa yang paling kemuncak dari segi tontonan televisyen harian, bersesuaian dengan dasar Kementerian Penerangan untuk menyebarkan maklumat kepada sebesar-besarnya bilangan rakyat, maka RTM berpendapat kemuncak tontonan ini perlu dieksploitasikan bagi sebilangan besar rakyat menerima siaran berita Rangkaian Nasional.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian belum lagi bercadang untuk menukar masa siaran Berita Perdana.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kandungan Berita Perdana jam 8.00 malam, sejak akhir-akhir ini kita nampak Laporan Parlimen tidak lagi disiarkan di dalam Berita Perdana jam 8.00 malam. Dan sebelum daripada ini kita lihat bahawa Laporan Parlimen diadakan suatu laporan khusus. Adakah Kerajaan atau pihak Kementerian Penerangan berhasrat untuk mengubah daripada menyiarkan di dalam Berita Perdana jam 8.00 malam kepada suatu masa khusus bagi siaran Laporan Parlimen?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Periua, walaupun soalan ini terkeluar daripada soalan asal yang bertanyakan tentang kesesuaian masa, tetapi saya ingin menjawab bahawasanya kalaupun tidak ada Laporan Parlimen dalam Berita Nasional, mungkin kerana tidak ada berita-berita yang penting yang perlu

diumumkan melalui TV1, TV2 mahupun TV3. Dan pada peringkat ini, pihak Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengkhususkan satu program untuk Laporan Parlimen. Jikalau difikirkan perlu di masa-masa akan datang esok, akan dibincangkan dan ditentukan oleh pihak Kementerian.

**Datuk Haji Basri bin Bajuri:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan. Sebagaimana yang disebutkan tadi bahawa semua Berita disiarkan pada satu waktu yang sama iaitu jam 8.00 malam khususnya Berita Perdana. Jadi, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian menyedari bahawa oleh kerana ketiga-tiga rangkaian menyiarkan Berita pada waktu yang sama, menyebabkan ramai orang yang tak dapat mengikuti Berita. Oleh itu adakah pihak Kementerian boleh memikirkan bahawa untuk Berita Perdana di Rangkaian Satu, kita kekalkan pukul 8.00 malam dan berita yang sama dirakamkan dan disiarkan di Rangkaian Kedua pada jam 8.30 malam? Saya rasa cara ini mungkin memberi peluang kepada lebih ramai orang mengikuti Berita itu terutama mereka yang tak dapat mengikut Berita Perdana jam 8.00 malam, mereka boleh mengikuti pada jam 8.30 malam.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian Kementerian Penerangan, sebaliknya dengan cara mengadakan kedua-dua Rangkaian TV1 dan TV2 menyiarkan Berita itu serentak adalah lebih baik daripada segi mendapatkan tontonan daripada masyarakat seluruhnya. Oleh kerana di setengah-setengah tempat itu TV1 kurang elok dari segi penerimaannya, di lain tempat pula TV2 kurang baik, maka didapati mengikut kajian bahawasanya jam 8.00 malam itu adalah 'prime-time', masa yang paling banyak sekali rakyat kita menonton televisyen. Kita dapati bahawasanya di TV1 dan TV2, tidak kurang daripada dua juta rakyat (orang

dewasa) yang menonton TV1 dan TV2 dan TV3 mendapat viewers, dengan izin, sebanyak 1.5 juta—jumlah yang tidak dapat ditarik oleh lain-lain program yang regular selain daripada program-program seperti Berita Nasional, walaupun serentak. Tetapi tujuan Kerajaan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat amat sesuai, amat tepat dan padat sekali diadakan seperti demikian.

### MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG— KEMUNGKINAN PENSWASTAAN

2. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada sedar Pulau Pinang dikenali sebagai negeri paling kotor di Malaysia disebabkan pentadbiran Majlis Perbandaran di negeri itu tidak cekap. Sama ada Kerajaan:

- (a) akan mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan di seluruh negara, bagi menjamin pentadbiran yang cekap; dan
- (b) pentadbiran Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan di-swastakan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah sedar tentang kemerosotan keadaan kebersihan di Pulau Pinang. Justeru itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah memberi teguran mengenai perkara ini dan keadaan tersebut bertambah baik sekarang ini.

Teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diambil perhatian yang wajar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri telah mengetuai

beberapa kerja gotong royong bersama-sama orang ramai untuk membersihkan kawasan-kawasan tertentu. Majlis Perbandaran Pulau Pinang juga telah memperhebatkan kempen anti-sampah dan anti-kekotoran kepada penjaja dan orang ramai.

Dari tinjauan pegawai-pegawai dari Kementerian ini menunjukkan bahawa tahap kebersihan di Pulau Pinang adalah meningkat dan tidak dapat dinafikan memerlukan usaha-usaha yang lebih gigih lagi. Kerjasama pihak swasta juga telah meningkat terutamanya mereka telah menyumbangkan tong-tong sampah kepada Majlis Perbandaran bagi menggalakkan orang ramai lebih berdisiplin.

Untuk menjawab bahagian soalan:

- (a) Kerajaan juga berpendapat bahawa mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan di seluruh negara bukanlah caranya untuk menjamin pentadbiran yang cekap di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan buat masa ini kerana sistem yang diamalkan sekarang ini, iaitu di mana Ahli-ahli Majlis dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah didapati berkesan dan sesuai dengan keadaan negara kita.
- (b) Berhubung dengan penswastaan pentadbiran Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan pula adalah dimaklumkan bahawa mengikut peruntukan Perlembagaan negara, Kerajaan Tempatan menjadi tanggungjawab secara langsung Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Oleh itu, menswastakan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan adalah bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan negara.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ketidakecakapan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan adalah oleh sebab ketidakecakapan Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan pada masa sekarang sebagai Ahli Parlimen dan ADUN, kita selalu menerima aduan daripada orang ramai berkenaan dengan masalah tempatan. Mereka kata kalau mereka mahu mencari Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan itu adalah sangat susah. Oleh kerana itu, saya mahu bertanya Kerajaan apabila Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan ini dilantik, bolehkah Ahli Parlimen atau ADUN ini diminta mengemukakan cadangan penamaan calon? Kalau Kerajaan berniat buat begitu iaitu apabila Kerajaan ingin melantik ahli-ahli itu, bolehkah diminta satu senarai cadangan dari Ahli Parlimen atau ADUN itu?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan kelemahan Pihak Berkuasa Tempatan ialah oleh kerana Ahli-ahli Majlis bukanlah mereka yang melaksanakan tugas harian dan melaksanakan tugas-tugas pentadbiran Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. Apa yang berlaku ialah kekurangan pekerja, kekurangan kewangan dan kekurangan kemahiran pakar-pakar yang mentadbirkan Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebahagian besar daripada masalah yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membantu Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dengan peruntukan kewangan supaya tahap dan kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan dapat diperingkatkan.

Mengenai perlantikan Ahli-ahli Majlis, Kerajaan Negeri yang menguasai Kerajaan akan memilih Ahli-ahli Majlis yang terdiri daripada orang-orang yang bukan sahaja daripada satu kumpulan ahli-ahli politik tetapi terdiri daripada kumpulan profesional seperti arkitek, engineer dan sebagainya bahkan

sebahagian daripada Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Oleh sebab itu, saya rasa cadangan Yang Berhormat itu tidak dapat dipraktikkan.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan sedar bahawa rakyat mengetahui sebab sebenar mengapa Kerajaan tidak mahu mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan ialah Kerajaan Tempatan akan dikuasai oleh Pembangkang?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar oleh kerana ada kerusi-kerusi Parlimen dan kerusi-kerusi Kerajaan Negeri dalam bandar yang di menangi oleh UMNO dan juga MCA dan Gerakan. Jadi, itu tidak benar. Belum cuba, belum tahu.

## KOKO—NILAI EKSPORT

**13. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Perusahaan Utama menyalakan:

- (a) berapakah jumlah dan nilai eksport biji koko dari tahun 1988 hingga 1990;
- (b) apakah bentuk bantuan yang telah diberikan kepada pengeluar-pengeluar koko di Malaysia; dan
- (c) apakah rancangan Kerajaan bagi menstabilkan harga koko dalam jangka pendek dan juga jangka panjang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah dan nilai eksport koko bagi tahun 1988 hingga 1990 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kuantiti</i>	<i>Nilai</i>
1988	189,388 tan metrik	\$708.28 juta
1989	169,281 tan metrik	\$520.20 juta
1990	162,618 tan metrik	\$448.45 juta

- (b) Kerajaan tidak memberi bantuan dalam bentuk subsidi kepada pengeluar-pengeluar koko. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyediakan bantuan khidmat pengembangan dan nasihat teknikal yang meliputi bidang pengeluaran dan pemerosesan biji koko bagi menjamin kecekapan pengeluaran dan mutu.
- (c) Harga koko bergantung kepada keadaan penawaran dan permintaan koko dunia. Pada masa kini, harga koko adalah rendah disebabkan pengeluaran yang berlebihan berturut-turut tahun dan timbunan stok koko dunia yang terkumpul berjumlah 1.5 juta tan metrik. Namun demikian, bagi menentukan harga koko tempatan terus mendapat harga yang berpatutan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:
  - (i) memberi nasihat serta tunjukajar kepada pengeluar-pengeluar, khususnya pekebun kecil, dalam teknik pemerosesan biji koko bagi meningkatkan mutu dari segi fizikal dan perisa coklat;
  - (ii) memperbaiki kualiti koko Malaysia melalui pengedaran mandatori supaya dengan demikian meningkatkan imej biji koko Malaysia di pasaran antarabangsa;

- (iii) menggalakkan pemerosesan hiliran dalam negeri untuk menghasilkan produk koko separuh siap seperti mentega koko, serbuk koko dan adunan koko di samping produk siap seperti coklat dan confectionery yang mempunyai nilai tokoh (value added) yang tinggi;
- (iv) mempromosi lebih banyak penggunaan produk koko seperti coklat dan confectionery di pasaran tempatan;
- (v) meluaskan pasaran koko Malaysia di pasaran baru di samping memperkukuhkan syer pasaran yang sedia ada melalui promosi pasaran; dan yang akhir,
- (vi) mempergiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan R&D, dengan izin, bagi menghasilkan kegunaan baru bagi komoditi koko supaya dengan demikian permintaan koko akan bertambah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan tambahan, adakah benar dakwaan setengah pihak yang menyatakan bahawa mutu koko dalam negara kita ini jika dibandingkan dengan koko Afrika seperti Nigeria dan Ghana adalah jauh lebih baik koko Afrika. Ini adalah merupakan salah satu daripada faktor mengapa koko yang dikeluarkan dalam negara kita kurang mendapat sambutan daripada luar negeri?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Memang benar mutu koko kita adalah lebih rendah, sepertimana Yang Berhormat sebut, daripada negara-negara yang berkenaan—mungkin kerana keadaan

kesesuaian tanah dan juga iklim. Namun demikian, bagi pihak agensi R&D kita sedang mengkaji supaya tindakan-tindakan sewajarnya dapat diambil dari masa ke semasa, insya Allah.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jenis klon koko yang ditanam di Malaysia dan jenis mana yang lebih produktif? Kedua, negeri mana di Malaysia yang menanam banyak koko?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan tersebut adalah spesifik, jadi saya minta notis kerana ini sebenarnya di bawah Kementerian yang lain—Kementerian Pertanian dan MARDI yang membuat research.

#### PASPORT RAKYAT MALAYSIA DITAHAN

4. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengenai kebanyakan pasport Malaysia telah ditahan siasat oleh Bahagian Kesetamatan dari Jabatan Imigresen Malaysia; dan

- (a) beberapa pasport Malaysia masih ditahan dan berapa telah diserahkan balik kepada pemegangnya; dan
- (b) mengapa pasport tersebut ditahan siasat begitu lama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menahan pasport rakyat Malaysia atas beberapa sebab, antaranya, kerana arahan daripada agensi Kerajaan tertentu yang berkuasa membuat arahan sedemikian dan kerana laporan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemegang pasport berkenaan semasa mereka di luar negeri yang mana kesalahan tersebut boleh

menjejaskan imej rakyat dan negara seperti tinggal lebih masa; bekerja tanpa kebenaran; terlibat dalam jenayah; terlibat dalam sindiket-sindiket dadah serta pelacuran. Kebanyakan pasport yang ditahan pada masa ini ialah daripada kumpulan mereka yang telah melakukan kesalahan di luar negeri sepertimana yang tersebut tadi.

Sesuatu pasport akan ditahan selepas siasatan yang dibuat membuktikan pemegangnya terbabit dengan kesalahan yang diadakan. Tempoh tahanannya adalah berbeza-beza mengikut jenis kesalahan. Di bawah peraturan sekarang bagi kesalahan berat seperti dadah, pasport akan ditahan tanpa tempoh masa tertentu sehingga pihak berkuasa berpuashati yang orang terlibat tidak lagi akan melibatkan diri dalam kegiatan dadah. Sehingga 1 November 1991, sebanyak 12,021 buah pasport ditahan. Daripadanya 7,373 telah dikembalikan.

**Tuan Haji Ishak bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa waktu dahulu kita mendengar bahawa banyak pasport antarabangsa Malaysia yang telah dijual oleh warganegara kepada pihak-pihak yang tertentu dan kita juga telah mendapat berita tentang adanya pasport-pasport antarabangsa Malaysia yang palsu. Daripada kes-kes yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, berapakah kes yang melibatkan dua perkara yang saya sebutkan tadi dan apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat?

Yang kedua, bagi menentukan bahawa pasport antarabangsa Malaysia adalah pasport yang tulen, apakah langkah Kementerian pada masa hadapan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu tadi sebenarnya sudah terkeluar sedikit daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi penjelasan. Sepertimana yang saya telah jawab tadi untuk mereka yang

melakukan kesalahan, semasa mereka balik, pasport mereka ditahan dan bukan kerana pasport itu palsu ataupun pasport itu dijual. Walau bagaimanapun bagi menjawab soalan tambahan itu, Jabatan Imigresen dan juga pihak berkuasa sentiasa berwaspada kepada sindiket-sindiket yang cuba membuat pasport palsu ataupun menjual pasport yang palsu. Ini termasuk juga apabila seseorang itu menghilangkan pasport dan pasport itu tidak senang dikeluarkan dengan begitu sahaja. Siasatan yang rapi dan cukup teliti akan diadakan supaya memastikan sesuatu pasport itu adalah telah hilang secara genuine, dengan izin, dan bukannya dijual ataupun dimasukkan kepada orang atau sindiket yang tidak bertanggungjawab.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui mengenai pasport-pasport yang telah ditahan dari rakyat yang telah bekerja di Taiwan secara tidak sah. Daripada pasport-pasport yang telah ditahan, berapakah bilangan pasport yang telahpun diberikan balik kepada mereka yang telah balik ke Malaysia?

Yang kedua ialah adakah pasport-pasport yang diberikan balik kepada pemegang-pemegang di antaranya termasuk pasport-pasport yang ditahan oleh Kerajaan daripada pemegang sebagai pelancong yang telah pergi melawat Hong Kong ataupun Macau tetapi dibawa masuk ke negeri China tanpa pengetahuan mereka. Memandangkan negara kita dan negeri China telah mengadakan hubungan yang baik dan juga pemegang-pemegang ini terdiri daripada orang-orang tua, sama ada pasport ini akan juga dikembalikan kepada mereka.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di antara pasport yang ditahan untuk golongan yang pergi dan tinggal lebih masa di Taiwan dan satu operasi pengampunan telah diadakan pada satu ketika—sejumlah 7,373 buah pasport itu adalah dipunyai oleh mereka yang

pulang daripada Taiwan, Itu bermakna daripada sejumlah 7,655 buah pasport yang telah ditahan itu, 7,373 telahpun dipulangkan.

Untuk soalan yang kedua, mengenai mereka yang pergi sebagai pelancong ke Macau dan kemudian masuk ke negeri China secara tanpa izin, pada suatu ketika dahulu, Kementerian telahpun memberi perhatian kepada golongan ini sebagai satu kategori khas dan mereka tidak termasuk di dalam 4,000 lebih buah pasport yang masih ditahan itu. Buat masakini Kementerian sedang mengkaji tentang perkembangan terbaru terutamanya mengenai sekatan-sekatan untuk melawat negeri China itu, dan Kerajaan kita telahpun melonggarkannya. Maka saya rasa kepada golongan ini kita akan menentukan satu tempoh yang diikirkkan munasabah supaya mereka akan dapat balik pasport mereka nanti.

#### **LESEN TEKSI/KERETA SEWA LUAR BANDAR—KRITERIA**

**5. Dato' Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah kriteria/syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh pemohon-pemohon lesen teksi/kereta sewa luar bandar; dan
- (b) berapa lamakah sesuatu permohonan itu diberi jawapan sama ada dilulus atau tidak.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kriteria dan syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh pemohon-pemohon lesen teksi atau kereta sewa luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) pemohon hendaklah berumur tidak melebihi daripada 55 tahun;
- (ii) pemohon mestilah mempunyai lesen pemandu kenderaan perkhidmatan awam (PSV);

(iii) mempunyai kemampuan dari segi modal; dan

(iv) terdapat keperluan perkhidmatan teksi/kereta sewa di kawasan yang dipohon.

Bagi jawapan (b), semua permohonan untuk mendapatkan lesen kenderaan perdagangan akan diberi keutamaan untuk diproses dengan segera. Bagi permohonan lesen/kereta sewa, pemohon-pemohon perlu ditemuduga yang dibuat secara bergilir-gilir mengikut negri dan keputusan akan diberitahu selepas temuduga.

**Dato' Haji Basri bin Bajuri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan salah satu daripada kriteria pemberian lesen teksi ini ialah tentang keperluan di sesuatu kawasan khususnya di luar bandar. Jadi, saya ingin tahu apakah kriteria yang digunakan untuk memastikan atau menetapkan keperluan, umpamanya di sebuah kampung berapa teksi diperlukan atau sama ada ianya berdasarkan kepada bilangan penduduk?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, ia berdasarkan kepada keadaan kemudahan pengangkutan yang tidak mencukupi kerana kemudahan pengangkutan itu diperlukan dan juga berasaskan kepada permintaan daripada orang ramai yang memerlukan perkhidmatan teksi dan juga disokong oleh pihak pegawai daripada daerah itu sendiri yang juga turut memberi sokongan terhadap permohonan keperluan ini.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah mengenai syarat. Apakah benar bahawa syarat-syarat untuk mendapatkan lesen teksi di negeri Sabah adalah tidak sama dengan apa yang ada di Semenanjung? Kalau benar, maka saya ingin mengetahui mengapa dan, kalau tidak, maka saya mohon mendapat penjelasan.

Mengapakah teksi-teksi yang ada di Sabah itu tidak dikehendaki untuk mengecat teksinya seperti yang terdapat di Semenanjung di mana ada hitam dan kuning (yellow top); ada merah dan putih dan di samping itu penggunaan meter juga tidak dikuatkuasakan seperti yang dikuatkuasakan di Semenanjung?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar apa yang dikatakan tadi, semua keputusan dan keperluan yang diperlukan bagi negeri Sabah adalah di bawah keputusan dan kuasa Lembaga Pengangkutan (LPKP) di negeri Sabah.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa banyak lesen-lesen teksi ataupun kereta sewa telah dikeluarkan, kerana permohonan-pemohon ada hubungan rapat dengan pihak yang berkuasa?

Dan saya ingin tahu apakah banyak lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada pihak-pihak tertentu yang ada hubungan dengan pihak atasan dan sehingga hari ini tidak menjalankan kegiatan perkhidmatan teksi mahupun kereta sewa dan masih menunggu pihak-pihak tertentu yang lain yang ingin membeli lesen kereta sewa yang telah diberikan kepada mereka.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar. Kalau benar mana buktinya? (*Ketawa*)

Yang kedua, saya tidak faham soalnya.

#### SKEL GAJI GURU C2

6. **Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa beberapa guru C2 (C 08) yang telah lulus STPM, yang seharusnya ditingkatkan ke B10 secara automatik atau tidak, dan kuasa ini terletak pada Jabatan

Pendidikan sekarang. Mereka telah mengadu bahawa mereka tidaklah ditingkatkan seperti yang seharusnya selepas menanti beberapa bulan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar peningkatan guru-guru C2 (C 08) ke BIO yang telah lulus STPM dilakukan secara automatik, tetapi terpaksa melalui beberapa proses tertentu seperti membuat permohonan apabila diiklankan, menghadiri temu-duga, kursus dan sebagainya. Oleh itu urusan ini mengambil masa.

Walau bagaimanapun, setakat ini seramai 194 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah yang telah lulus STPM dan telah ditingkatkan daripada skel gaji C8 kepada skel gaji B10 mulai 2 Januari 1989. Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah yang layak pada 2hb Januari 1990 dan 2hb Januari 1991, urusan ini sedang dijalankan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kementerian bercadang untuk menghapuskan syarat-syarat yang dikenakan supaya guru-guru C2 ini dapat diserapkan ke BIO secara automatik, kerana mereka dalam C2 ini merupakan guru-guru lama yang mengajar berbelas tahun ataupun mungkin puluhan tahun lama, dan ada di antara mereka sudah lulus STPM sudah hampir hendak pensen. Apakah tidak boleh pihak Kementerian menimbangkan kembali dasar ataupun peraturan yang dikenakan sekarang supaya secara automatik mereka yang lulus STPM diserapkan masuk ke dalam BIO.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pendidikan selalu peka dan memahami tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru. Namun demikian, oleh kerana kita telah tetapkan bahawa untuk diterapkan ke skel BIO, syarat yang

minimanya ialah STPM demi untuk mempertingkatkan mutu sistem pendidikan kita, Kementerian Pendidikan haruslah melaksanakan dasar itu. Namun demikian, kita telah memberi bekecua kelonggaran supaya semua guru-guru lama yang berpengalaman di skel C2 ini boleh dinaikkan pangkat ke B10. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan telah menganjurkan kursus-kursus dan jika guru-guru tersebut telah menghadiri kursus tersebut dan lulus dalam kursus tersebut, mereka boleh ditimbangkan untuk diserapkan masuk ke skel B10.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Timbalan Menteri Pendidikan, bagaimanakah kedudukan sebilangan Guru Besar yang mempunyai C2 tanpa lulus kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM sama ada Guru Besar yang berkenaan masih dikekalkan sebagai Guru Besar atau akan diturunkan pangkat sebagai guru biasa.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah menerangkan bahawa sebagai satu dasar, guru-guru yang sedang berkhidmat sebagai Guru Besar atau Penolong Kanan Sekolah sebelum dilaksanakan dengan izin, "two-tier scheme", ini, minat mereka tidak akan dijejaskan. Dan Kementerian Pendidikan masih berpegang kepada prinsip itu iaitu mereka yang sedang berkhidmat sebagai Guru Besar atau Penolong Kanan, kedudukan mereka tidak akan dijejaskan dalam "two-tier scheme" yang baru ini.

## DASAR PERTANIAN NEGARA

**7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah Dasar Pertanian Negara memainkan peranan di dalam menghasilkan pendapatan negara melalui hasil pertanian dan nampaknya para pelabur lebih gemar melabur di

bidang perindustrian dan dengan demikian sektor pertanian jauh ketinggalan di belakang. Apakah tindakan yang Kementenan akan ambil.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara sejak tahun 1984, sektor pertanian telah dapat berkembang pada kadar 4.6% bagitempoh 1986-1990 berbanding dengan 3.07% bagi tempoh 1981-1985 sebelumnya. Dari segi nilai keluaran, sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah bertambah dari \$11,854 juta dalam tahun 1985 kepada \$15,052 juta dalam tahun 1990. Pencapaian ini boleh dianggap membanggakan jika ditinjau dari segi masalah-masalah yang perlu diharungi oleh sektor tersebut dalam tempoh berkenaan.

Sektor pertanian terus bersaing untuk mendapatkan sumber-sumber pelaburan (capital) yang terhad, terutamanya dengan sekior perindustrian. Pelaburan yang lebih ketara dalam bidang perindustrian berpunca dari, antara lain, pelaksanaan insentif-insentif fiskal dan lain-lain dasar ekonomi makro yang lebih memihak kepada sektor berkenaan. Tambahan pula, sektor pertanian mempunyai risiko yang lebih tinggi serta menghadapi isu-isu serta masalah kekurangan tenaga kerja, kos pengeluaran yang tinggi dan kurangnya faedah bandingan (comparative advantage). Walaupun sumbangan sektor pertanian kepada KDNK secara relatif berkurangan dari 23% pada tahun 1980 kepada 19% pada tahun 1990, ini tidaklah bererti bahawa kepentingannya dari segi ekonomi telah menurun dan terus ketinggalan dari arus pembangunan. Penurunan dari segi relatif merupakan satu proses biasa yang dialami dalam suasana ekonomi yang berubah struktur dari yang berasaskan pertanian kepada yang berteraskan perindustrian.

Kepentingan sektor pertanian dari segi gunatenaga, penyediaan bahan-bahan makanan dan bekalan bahan-bahan mentah untuk diproses dan dieksport memerlukan perhatian yang sewajarnya dari pihak Kerajaan. Untuk mengatasi beberapa kekurangan dari segi dasar dan strategi-strategi pembangunan, Kementerian Pertanian sedang meneliti dan mengkaji semula Dasar Pertanian Negara dan adalah dijangka bahawa satu Dasar Pertanian yang baru akan dapat diperkenalkan sedikit masa lagi bagi menyediakan strategi-strategi pembangunan yang lebih mantap dan dinamik sesuai dengan aspirasi nasional ke arah negara perindustrian.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan jawapan mengenai sektor pertanian yang mempunyai risiko yang begitu tinggi, maka satu keperluan untuk bantuan secara konkrit kepada petani-petani kecil bagi menggalakkan mereka menjalankan usaha pertanian secara komersial, maka apakah program-program yang telah dialur ataupun dirancangan? Ini termasuklah juga cara-cara pemasaran.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa program-program yang telah dilaksanakan dalam masa sebelum ini telah mengatasi beberapa masalah ataupun risiko yang telah wujud. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan meneruskan program-program itu dan oleh sebab itu, bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam satu peruntukan yang lebih besar daripada Rancangan Malaysia Kelima, iaitu sebanyak \$19,000 juta bagi Rancangan Malaysia Keenam telahpun diperuntukkan bagi program-program. Program-program yang akan dilaksanakan adalah berjenis-jenis, termasuk pembangunan in-situ, pengairan,

tanaman semula, pemulihan dan juga pembukaan tanah baru akan diteruskan oleh pihak Kerajaan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Dasar Pertanian Negara akan digubal semula ataupun Dasar Pertanian Negara yang baru akan dilahirkan sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mengetahui bagaimanakah bentuk penggubalan dasar ini, terutamanya dari segi input dalam usaha menyusun dasar supaya ianya berketetapan dengan kehendak pertanian negara kita. Apakah dasar ini digubal melalui Kementerian Pertanian ataupun mendapat sumbangan daripada pihak swasta, petani-petani ataupun melalui seminar, konvensyen atau seumpamanya iaitu secara khusus bagaimanakah input dalam melahirkan Dasar Pertanian Negara ini,

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian Negara yang sedia ada pun telah digubal selepas mendapat maklumat-maklumat dari semua pihak yang terlibat, khasnya daripada agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai maklumat-maklumat mengenai perkara ini. Kita cuma mengkaji semula Dasar Pertanian Negara untuk mengadakan satu dasar yang selaras dengan Wawasan 2020. Untuk perkara ini, kajian ini sedang dilakukan dengan input daripada semua pihak dalam Kerajaan yang ada berkaitan dengan sektor pertanian. Bentuk dasar ini adalah masih dalam proses kajian dan saya tidak dapat mengumumkan aspek-aspek yang terkandung dalam dasar ini.

## KLINIK DESA DI SARAWAK

**8. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Kesihatan menjelaskan tentang kemudahan di klinik-klinik desa di Sarawak, terutama sekali di Kawasan P. 155 Santubong. Adalah didapati bahawa keadaan klinik pada masa ini

sangat tidak memuaskan seperti kekurangan alat-alat moden, kakitangan tidak mencukupi dan tidak terlatih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dalam kawasan Santubong ada terdapat sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Kampung Santubong (siap pada tahun 1990), sebuah Klinik Desa di Kampung Buntal (siap pada tahun 1990) dan Kampung Bako dan sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak di Muara Tebas. Selain daripada kemudahan-kemudahan tetap ini, Pasukan Kesihatan Kampung membuat lawatan ke 27 buah kampung di kawasan Santubong sekali sebulan. Para pesakit yang memerlukan penyiasatan dan rawatan kelanjutan boleh dirujuk ke Poliklinik/Hospital di Kuching yang terletak lebih kurang 20 km dari kawasan ini dan mudah didckati dengan pengangkutan jalan.

Klinik Desa adalah dikendalikan oleh seorang Pembantu Perubatan dan seorang Jururawat Desa. Jenis perkhidmatan yang disediakan ialah perkhidmatan pesakit luar dan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak. Katii bersalin juga disediakan di Klinik Desa. Mengikut Nerma Kebangsaan, setiap Klinik Desa meliputi seramai 1,000 hingga 4,000 orang tempatan. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada beberapa keadaan seperti kawasan pendalaman, kemudahan pengangkutan dan jalan raya serta masalah-masalah kesihatan dalam kawasan operasi. Masa kini kakitangan di Klinik Desa mempunyai kebolehan untuk menyelesaikan masalah kesihatan penduduk setempat di samping beban kerja-kerja harian.

Setiap klinik, sama ada Klinik Desa, Pusat Kesihatan Kecil atau Pusat Kesihatan dilengkapi dengan alat-alat standard kebangsaan. Semua kemudahan kesihatan dikendalikan oleh kakitangan yang telah dilatih dengan secukupnya untuk menjalankan aktiviti

di Pusat Kesihatan/Klinik Desa. Mereka juga diberi lalihan dalam perkhidmatan dari masa ke semasa. Senarai peralatan bagi semua Pusat Kesihatan diulangkaji dan dipertingkatkan lagi dan masa ke semasa. Di samping itu, Kerajaan berhasrat meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan sekiranya perlu. Contohnya, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan akan membina di negeri Sarawak sebuah Pusat Kesihatan Baru, meningkatkan taraf empat buah Pusat Kesihatan Kecil ke Pusat Kesihatan dan membina sebuah Pusat Kesihatan Kecil dan dua buah Klinik Desa.

## MAJLIS AIR NEGARA

**9. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Kerja Raya menyalakan:

- (a) tentang kemajuan dan keputusan 'Lembaga Air Negara' dalam rundingan dengan semua negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) rancangan jangka panjang dan pendek Kementerian untuk mengatasi masalah air di Daerah Kulim, Kedah Darulaman, memandangkan Kulim akan jadi tapak Industri HITECH dan kawasan perumahan yang banyak.

9.72.97

**13. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai pengambilalihan pembekalan air oleh Kerajaan Pusat dan penubuhan satu Lembaga Air Negara (LAN):

- (a) apakah bidangkuasa, lungsi dan kuasa yang akan diberikan kepada Lembaga ini;
- (b) apakah sebab perlunya LAN ini dan bilakah ia akan ditubuhkan;
- (c) adakah LAN ini akan menimbang semula perjanjian penjualan air mentah oleh Johor ke negeri

Melaka di mana rakyat Melaka dikenakan harga 20 sen seribu gelen berbanding dengan 3 sen seribu gelen kepada Singapura; dan

- (d) negeri manakah yang menyetujui penubuhan LAN ini.

12.12.91

4. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai cadangan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Lembaga Air Negara. Sudahkah pihak Kerajaan-kerajaan Negeri diberi peluang meneliti serta mengulas kertas cadangan tersebut dan apa pula cadangan balas daripada mereka.

18.12.91

10. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan rakyat mendapat bekalan air mencukupi tanpa pengambilalihan Jabatan Bekalan Air Negeri-negeri oleh Kerajaan Persekutuan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kola Melaka pada 9.12.91; Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 12.12.91 dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 18.12.91 sekaligus, memandangkan soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama, iaitu pemusatan pentadbiran air di negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baiklah.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Cadangan memusatkan peniad-biran air di negara ini telahpun dibawa dalam Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri pada 31hb Oktober 1991 lalu. Keputusan daripada persidangan ialah menubuhkan satu Majlis Air Negara bagi menyelaraskan pentadbiran bekalan air dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Fungsi-fungsi Majlis Air Negara serta perkara-perkara berkaitan akan ditentukan apabila Kerajaan Persekutuan mengadakan perbincangan lanjut dengan Kerajaan-kerajaan Negeri nanti.
- (b) Mengenai kedudukan perbekalan air di Kulim, Negeri Kedah, saya telah difahamkan bahawa tiada masalah kekurangan air di daerah tersebut. Kapasiti pengeluaran air sekarang ialah 36.4 juta liter sehari yang cukup untuk menemui segala keperluan. Kerajaan sedar keperluan air pada masa hadapan akan meningkat dengan pembangunan 'Kulim Hitech Industrial Park' dengan izin, dan industri di sekitar Kulim dan juga tambahan jumlah penduduk. Oleh itu, di bawah Rancangan Malaysia Keenam sebanyak \$44 juta telah diluluskan untuk menyiapkan projek Bekalan Air Kulim Fasa 2 yang akan menambahkan kapasiti pengeluaran ke tahap 90.9 juta liter sehari, Kapasiti ini adalah cukup untuk menampung keperluan air Kulim sehingga tahun 2010.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam run-dingan yang telah diadakan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, adakah satu daripada

garispanduan yang telah digunakan juga mengaitkan berkenaan dengan penswastaaan bekalan air di negeri-negeri. Jika ada garispanduan ini, saya ingin bertanya sama ada sehingga hari ini penswastaaan-penswastaaan bekalan air di negeri-negeri dijalankan dengan memuaskan oleh Kerajaan Persekutuan. Jika tidak, apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dan apakah tindakan-tindakan selanjutnya untuk memperbaiki lagi bekalan air ini melalui penswastaaan,

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Majlis Air Negara sedang ditubuhkan dan setakat ini Kementerian Kerja Raya masih mengambil langkah-langkah tertentu untuk menubuhkan Majlis Air Negara tersebut dari segi organisasi, terms of reference, prosedur, fungsi-fungsi dan undang-undang dan sementara Majlis Air Negara itu ditubuhkan, segala projek-projek seperti bekalan air secara penswastaaan itu akan dijalankan seperti sedia ada dan tidak ada apa-apa perubahan daripada itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa sewaktu Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri untuk membincangkan masalah kewujudan Majlis Air Negara ini, mereka telah mengemukakan beberapa perkara yang agak penting untuk diberi perimbangan oleh pihak Kementerian. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menghuraikan di antara perkara-perkara pokok yang dikemukakan oleh pihak Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri itu dan apakah pandangan pihak Kementerian mengenai hal ini?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, banyak perkara telah dibangkitkan, tetapi saya fikir kini tidak wajar untuk saya mendedahkan apa-apa yang dibincangkan di dalam Majlis ini. Walau bagaimanapun, satu

keputusan telah dicapai iaitu untuk menubuhkan satu Majlis Air Negara, tetapi apa-apa fungsi, bidangkuasa dan lain-lain sedang dibincangkan lagi dengan secara terperinci dan lanjut. Oleh sebab itu, tidak wajar bagi saya mengulas lebih lanjut daripada itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa tujuan utama penubuhan Lembaga Air Negara ini adalah untuk membolehkan penyelarasan dibuat ke atas semua perkhidmatan pembekalan air untuk menjamin dan memastikan bahawa menjelang dekad 2000 ini, semua rakyat Malaysia boleh menikmati pembekalan air yang tidak terputus seperti yang berlaku di negeri Melaka baru-baru ini.

Mengenai perkara ini, adakah pihak Kementerian sedar tentang beberapa ketidakseimbangan dan ketidakadilan yang berlaku di negeri Melaka, khususnya apabila satu perjanjian penjualan air ditandatangani di antara negeri Melaka dan Johor, harga yang dikenakan oleh negeri Melaka adalah 20 seribu gelen, sedangkan harga yang dikenakan ke atas sebuah negara luar, negara Singapura adalah hanya 3 seribu gelen dan bolehkah sebelum penubuhan LAN ini, pihak Kementerian campurtangan dalam urusan ini untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya rakyat negeri Melaka menikmati bekalan air dengan harga yang sama atau sekurang-kurangnya lebih rendah daripada harga yang dikenakan ke atas sebuah negara luar supaya rakyat negeri Melaka tidak bcrasa bahawa mereka tertindas, dianaktirikan oleh sebuah negeri sengkara Malaysia, supaya kita dapat memupuk satu semangat Malaysia yang tidak mementingkan rakyat Singapura atau rakyat luar negara.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penjualan air kepada Singapura dan penjualan balik air yang dirawat oleh Singapura itu adalah satu perkara yang istimewa, tidak

boleh disamakan dengan penjualan air mentah daripada Johor kepada Melaka. Izinkan saya berikan maklumat yang lebih lanjut.

Sebenarnya perkara harga air mentah dan penjuatan balik air yang dirawat oleh Singapura ke Johor adalah termaktub dalam perjanjian di antara Kerajaan Negeri Johor dan Singapura yang ditandatangani pada tahun 1961. Kadar air mentah dan air yang dirawat boleh dipertimbangkan semula selepas 25 tahun alas persetujuan kedua-dua pihak.

Ingin saya menerangkan bahawa walaupun kadar penjualan air mentah kepada Singapura adalah rendah, iaitu 3 setiap seribu gelen, kadar pembelian air yang telah dirawat daripada Singapura juga rendah, iaitu sebanyak 50 setiap seribu gelen, sekiranya dibandingkan dengan kos pengeluaran air yang telah dirawat itu, iaitu lebih daripada seringggit bagi setiap seribu gelen.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara bekalan air adalah dalam bidangkuasa negeri dan perjanjian ini adalah di antara Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Singapura. Sekiranya Kerajaan Negeri Johor ingin mempertimbangkan semula kadar jualan air yang telah dirawat oleh Singapura kepada Johor, itu boleh dikaji semula. Saya difahamkan bahawa perkara ini belum ditetapkan lagi oleh kedua-dua pihak itu. Dan sama ada negeri Johor akan membekalkan air mentah kepada negeri Metaka dengan harga yang lebih murah atau sebagainya, itu pun sudah dibincangkan dan sudah dipersetujui oleh kedua-dua Kerajaan Negeri dan mereka sudah menganggap itu adalah satu kadar yang adil. Jadi, itu bukan satu perkara yang Kerajaan Pusat akan campurtangan setakat ini. Sama ada Majlis Air Negara selepas ditubuhkan akan mengkaji semula, perkara ini tidak dapat ditentukan oleh kerana penubuhan Majlis Air Negara masih dalam peringkat kajian dan perundingan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

### KEMPEN MAKAN DAGING ARNAB/MINUM AIR KELAPA/ MAKAN ULAM

10. **Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Pertanian menyatakan sehingga setakat manakah kempen yang berikut mencetuskan kejayaan terutama rakyat yang terlibat, dari segi pengeluaran dan pendapatan mereka:

- (a) Kempen Makan Daging Amab, Minum Air Kelapa Muda, Makan Ulam; dan
- (b) apakah kempen-kempen lain yang serupa yang sedang dirancangkan oleh Kementerian.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), kempen-kempen yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian seperti Kempen Makan Daging Arnab, Kempen Minum Air Kelapa Muda dan Kempen Makan Ulam telah berjaya meningkatkan penggunaan di kalangan penduduk tempatan dan juga telah meningkatkan pengeluaran terutamanya pengusahapengusahakomersil dengan tujuan untuk memenuhi keperluan permintaan yang meningkat,

Bagi Kempen Minum Air Kelapa Muda, jualan sebulan telah meningkat daripada 91,000 biji sebulan kelapa muda sebelum kempen kepada 192,300 biji sebulan selepas kempen dijalankan. Bilangan penjual juga telah bertambah daripada 830 kepada 1410. Bagi Kempen Makanan Ulam, kuantiti penjualannya telah meningkat dari 173,700 kilogram sebulan kepada 220,400 kilogram sebulan dan pertambahan bilangan penjual dari 1730 sebelum kempen kepada 2330 selepas kempen dilancarkan.

Kempen Makan Daging Arnab juga telah mewujudkan minat di kalangan pengguna-pengguna dengan wujudnya industri hiliran seperti sate daging arnab dan burger arnab. Pengeluaran daging

arnab pada tahun 1990 ialah 190 tan metrik. Anggaran populasi arnab telah meningkat daripada 5,000 hingga 10,000 ekor sebelum kempen kepada lebih kurang 90,000 ekor pada masa kini. Bilangan penternak-penternak juga telah meningkat kepada lingkungan 20 hingga 50 orang dengan hanya 1—2 orang penternak komersil kepada 564 orang dengan 29 penternak komersil. Secara keseluruhan, kempen-kempen tersebut telah dapat meningkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha dengan peningkatan permintaan atas komoditi tersebut.

Bagi menjawab soalan (b), kempen-kempen lain yang serupa yang sedang dirancang oleh Kementerian Pertanian termasuk kempen bunga-bunga di mana kios bunga-bunga akan digalakkan di seluruh negara untuk memudahkan pelanggan-pelanggan mendapatkan bunga-bunga.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberi hasil-hasil daripada kempen ini di dalam bentuk peningkatan penjualan kelapa muda, peningkatan pengeluaran arnab dan pendapatan-pendapatan bertambah kepada petani-petani yang terlibat. Saya ingin tahu, apakah hasil kempen peminuman kelapa muda ini kepada harga kelapa masak dan juga kepada harga kelapa kering yang mana kelapa kering dahulu merupakan satu bahan eksport daripada negara kita sehingga sebelum kempen dijadikan sebagai satu bahan yang tidak dikehendaki dan tidak dibeli di pasaran dunia.

Yang kedua, apakah kempen makan ulam juga memberi kesan yang sama dari segi dengan banyaknya orang memakan ulam maka turun nilai ataupun turun banyaknya import seperti import kobis daripada Sumatera, import asparagus daripada Thailand dan lain-lain lagi. Adakah ini berlaku dari segi kempen-kempen begini yang memberi hasil kepada perimbangan import kita

yang mana tiap-tiap Budget menunjukkan bahawa import bill makanan masih lagi tinggi.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menambah sedikit tentang faedahnya melalui kempen-kempen. Saya tidak memberi satu exhaustive list tentang faedah-faedah. Walau bagaimanapun, adalah benar seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kelapa kering selepas kempen minum air kelapa muda telah dimulakan harganya telah meningkat dan juga permintaan daripada syarikat-syarikat kilang telah pun meningkat. Dan ini semua membawa hasil yang baik kepada pengeluaran dalam negara kita.

Tentang ulam, import barang-barangan daripada negeri-negeri luar, khususnya kobis adalah dihadkan oleh Kementerian Pertanian. Sebenarnya kita tidak ada satu ujian tentang apakah penurunan import sayur-sayuran selepas kempen ulam dimulakan. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah dalam perhatian kita dari segi kobis, kita cuma membesarkan import kobis sehingga mana yang diperlukan selepas pengeluaran dalam negara ditentukan pada setiap bulan. Pandangan Ahli Yang Berhormat tentang perkara ini diambil perhatian.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan syabas kepada Kementerian Pertanian di atas kempen-kempen yang telah diadakan. Memandangkan Kementerian Pertanian dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mempunyai kaitan rapat dari segi aktiviti-aktiviti dan masalah-masalah semasa yang dihadapi, dan baru-baru ini kita telah mendengar Yang Berhormat dari Arau mencadangkan agar aktiviti mengenai alam sekitar terutamanya

seminar, mesyuarat, simposium dan sebagainya diadakan di dalam hutan. Dan beberapa hari yang lepas kita telah mendengar rungutan ataupun masalah tentang babi hutan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh. Jadi, soalan saya, adakah Kementerian Pertanian bercadang mengadakan kempen menangkap babi hutan ini ataupun makan daging babi hutan, ular sawa dan bujang senang (*Ketawa*) sebagai salah satu aktiviti untuk memperkenalkan daging binatang-binatang liar ini sebagai salah satu sumber makanan khas untuk orang-orang yang boleh memakan daging binatang-binatang liar ini dan merupakan salah satu hidangan istimewa kepada pencinta alam. Sekiranya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengadakan simposium, mesyuarat di dalam hutan, justeru itu kita dapat mengurangkan import daging daripada luar negeri. Jadi, setidaknya aktiviti-aktiviti ini dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh para petani di Tasek Chenderoh dan para nelayan di Batang Lupar.

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jawapan pendek, masa sudah cukup. Pendek dan ringkas. Jawapan ringkas, masa sudah cukup.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kementerian tidak ada cadangan untuk mengadakan kempen terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Perlu (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 22 adalah diberi di bawah ini)*

## PUSAT PERKHIDMATAN PERGIGIAN SEREMBAN

**11. Tuan Yim Chee Chong** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah alat-alat dan kelengkapan di Pusat Perkhidmatan Pergigian di Seremban akan digantikan dengan alat-alat dan kelengkapan yang moden.

**Dato' K. Kumaran:** Mengikut perancangan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan, semua 625 unit kerusi pergigian dan alatannya yang dipasang sejak 1970 perlulah diganti.

Mengikut perancangan, 60 unit diganti setiap tahun mulai 1991. Adalah dijangkakan di dalam dua Rancangan Malaysia lagi, semua peralatan lama dapat diganti dengan peralatan yang moden sejajar dengan keperluan perkhidmatan pergigian.

Gantian alatan dan kelengkapan di Klinik Pergigian Seremban akan dibuat mengikut rancangan di atas.

## PROJEK KECIL DI KAWASAN PILIHANRAYA PASIR PINJI

**12. Tuan Kerk Kim Hock** minta Perdana Menteri menyatakan sejak Pilihanraya Umum 1990:

- (a) jumlah bilangan projek-projek kecil kawasan pilihanraya yang telah dijalankan di kawasan Pilihanraya Pasir Pinji; dan
- (b) jumlah kos yang dibelanjakan bagi projek-projek tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):**

- (a) sebanyak 146 buah projek-projek kecil telah dilaksanakan di kawasan Pilihanraya Pasir Pinji sejak Pilihanraya Umum 1990;
- (b) jumlah kos keseluruhan bagi pelaksanaan projek-projek tersebut ialah \$747,000.00.

## LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA LATIN

**13. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha menarik pelabur di Amerika Latin ke negara ini; dan
- (b) bagaimana kemajuan dalam bidang politik dan ekonomi dengan lawatan tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** mengenai soalan ini, saya terlahpun memberi jawapan yang serupa pada 22hb Oktober, 1991 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak mempunyai apa-apa jawapan tambahan.

## BAYARAN GAJI BARU

**14. Tuan G. Palanivel** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah awal yang diambil oleh pihak Kerajaan (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) untuk menyekat perbelanjaan oleh kakitangan awam, yang menjangka akan diberi kenaikan gaji terakhir, sebagai sebahagian daripada penyelarasan gaji mereka sebelum akhir tahun ini. Adakah Kerajaan akan melancarkan kempen untuk menggalakkan orang ramai, terutamanya kakitangan awam, supaya berjimat dan menyekat inflasi. Dicapadangkan supaya Kerajaan melancarkan amanah saham untuk kakitangan awam bagi menyekat perbelanjaan yang banyak serta menghapuskan saham-saham syarikat-syarikat baru yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Kerajaan sedar bahawa tambahan perbelanjaan sebanyak \$2.9 billion berikutan daripada pembayaran tunggakan (\$1.7 billion) dan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (\$1.2 billion)

bagi pegawai dan kakitangan sektor awam adalah merupakan satu jumlah yang besar dan jika tidak dikawal akan memburukkan lagi keadaan inflasi. Bagi tujuan mengurangkan kesan kepada tekanan inflasi berikutan daripada pembayaran tunggakan dan gaji baru itu, antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan, ialah membuat pembayaran tunggakan itu berperingkat-peringkat seperti di jadual berikut:

- (a) bayaran tunggakan tidak melebihi \$1,000 pada bulan Mac 1992 kepada semua anggota sektor awam dan potongan ke atas cukai pendapatan serta caruman KWSP;
- (b) bayaran gaji baru pada bulan Julai 1992 (termasuk tunggakan dari bulan Januari 1992) dan potongan ke atas cukai pendapatan serta caruman KWSP;
- (c) bayaran baki tunggakan tidak melebihi \$1,000 pada Oktober 1992 dan dipotong cukai pendapatan serta caruman KWSP;
- (d) bayaran bagi tunggakan tidak melebihi \$3,000 pada bulan April 1993 dan dipotong cukai pendapatan serta caruman KWSP; dan
- (e) bayaran bagi tunggakan selebihnya dibuat pada bulan Ogos 1993 dan dipotong cukai pendapatan serta caruman KWSP.

Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan memang menggalakkan pegawai dan kakitangan sektor awam supaya berjimat cermat dalam membelanjakan wang yang diterima daripada bayaran tunggakan serta gaji baru itu. Selaras dengan itu, pegawai dan kakitangan sektor awam yang menerima tunggakan gaji serta gaji baru digalakkan untuk menyimpan atau melaburnya dalam institusi-institusi kewangan dan pelaburan mengikut pilihan masing-masing. Di samping itu, pihak pekerja sendiri adalah digalakkan untuk

mengadakan program masing-masing bagi memupuk kesedaran sebagai pengguna di kalangan ahli-ahli mereka. Kerajaan juga akan mengawasi supaya peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang-barang. Melalui langkah-langkah itu, kesan kepada tekanan inflasi akan dapat dikurangkan.

### SISTEM KEWANGAN ISLAM

**15. Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menggunakan kaedah-kaedah kewangan Islam dalam sistem kewangan negara serla institusi-institusi kewangan,

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Jawapan berkaitan dengan perkara ini telahpun dibuat pada 12hb November, 1991 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

### LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE IRAN, KUWAIT DAN TURKI

**16. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke negara Iran, Kuwait dan Turki baru-baru ini dari segi:

- (a) ekonomi;
- (b) politik; dan
- (c) kebudayaan.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil, bin Che Wan:** Mengenai soalan ini, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang serupa pada 29hb Oktober,

1991 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak mempunyai apa-apa jawapan tambahan.

### KESESAKAN LALULINTAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

**17. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilakah perkhidmatan pengangkutan awam akan diperbaiki memandangkan kesesakan lalulintas yang semakin teruk sekarang ini kerana kebanyakan kereta diisi oleh pemandunya sahaja tanpa membawa penumpang lain untuk berulang-alik ke tempat kerja dan pulang ke rumah dan pada waktu itulah keadaan lalulintas amat teruk sekali.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan lalulintas terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya diberi perhatian utama oleh Kerajaan. Pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Pengangkutan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telahpun membuat perancangan untuk memperkenalkan sistem-sistem pengangkutan awam yang baru bagi mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur.

Antara sistem-sistem pengangkutan awam yang sedang dilaksanakan dan dalam peringkat cadangan adalah seperti berikut:

#### (1) *Sistem Tren Komuter*

Projek ini sedang dilaksanakan oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan dijangka dapat beroperasi apabila landasan berkembar KTM siap pada tahun 1993. Perkhidmatan trenkomuter yang menggunakan kuasa letrik dan berhawa dingin akan menyediakan perkhidmatan antara Rawang—Seremban—Kuala Lumpur—Pelabuhan Kelang.

(2) *Sistem Transit Laju Ringan*

Sistem Transit Laju Ringan telah dirancang oleh DBKL berdasarkan Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan ke pusat bandar. Projek ini sekiranya dilulus oleh Kerajaan akan dilaksanakan dalam lima fasa dengan satu rangkaian laluan sepanjang 52 kilometer seperti berikut:

- dari Sentul ke Petaling Jaya;
- dari Dayabumi ke Bandar Tun Razak;
- dari Dayabumi ke Gombak;
- dari Sentul ke Kepong;
- dari Bandar Tun Razak ke Bukit Jalil.

(3) *Sistem Metrolink*

Sistem Metrolink dicadangkan oleh DBKL untuk memainkan peranan yang sama dengan Sistem Transit Laju Ringan iaitu untuk perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan ke pusat bandar. Projek ini yang dicadangkan pelaksanaannya melalui pihak swasta akan menghubungkan Puduraya ke Salak Selatan dan Ampang dengan menggunakan trek KTM yang sedia ada. Syarikat swasta yang mengendalikan projek ini sedang menyediakan cadangan pelaksanaan untuk kelulusan Kerajaan.

(4) *Sistem Monorel*

Sistem Monorel adalah satu sistem pengangkutan yang dicadangkan oleh DBKL untuk perjalanan dalam pusat bandar. Projek ini telahpun diluluskan oleh Kerajaan untuk menggantikan projek Aerobus. Projek Monorel akan dilaksanakan dalam dua fasa seperti berikut:

- Fasa 1 : Puduraya—Pasar Budaya—Terminal

Bas Jalan Tun Razak (8.5 km.)

Fasa 2 : Puduraya—Bukit Bintang—Jalan Pasar (5.6 km)

Kajian pelaksanaan untuk fasa 1 telahpun siap.

(5) *Memperbaiki Mutu Perkhidmatan Sistem Bas*

Beberapa usaha juga telah dibuat untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan sistem bas di Kuala Lumpur. Antaranya ialah:

- (i) menjalankan kajian untuk menyusun semula laluan bas yang sedia ada supaya perkhidmatan bas menjadi lebih efisien dan meliputi kawasan yang lebih menyeluruh.
- (ii) menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan terminal bas;
- (iii) menyediakan pondok bas baru yang lebih selesa dan menarik.

### PEMERIKSAAN KE ATAS BANGUNAN KERAJAAN/SWASTA/PERSENDIRIAN

**18. Tuan Saidin bin Adam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah pihak bomba mempunyai Bahagian Penguatkuasaan untuk membuat pemeriksaan mengejut ke atas bangunan-bangunan Kerajaan, swasta dan persendirian bagi memaslikan bangunan-bangunan tersebut dilengkapi dengan peralatan mencegah kebakaran yang diluluskan; dan
- (b) jika ada, berapa banyakkah pemeriksaan sedemikian telah dijalankan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:**

- (a) Jabatan Bomba memang mempunyai Bahagian Penguatkuasaan untuk membuat pemeriksaan mengejut ke atas bangunan-bangunan Kerajaan, swasta dan persendirian bagi memastikan bangunan-bangunan tersebut dilengkapi dengan peralatan mencegah kebakaran yang mencukupi;
- (b) Jumlah pemeriksaan mengejut yang telah dijalankan bagi seluruh negara ialah sebanyak 15,001 premis dalam tahun 1989, 16,639 premis dalam tahun 1990 dan 9,631 premis sehingga pertengahan tahun 1991.

**PERGOLAKAN POLITIK  
DI SOVIET UNION**

**19. Tuan Chor Chee Heung minta** Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada perkembangan politik di Republik Russia khususnya rusuhan dalaman dan juga kemerdekaan beberapa negeri seperti Latvia, Lithuania dan lain-lain mempunyai kesan-kesan negatif dan akhirnya menjejaskan ekonomi Malaysia.

**Tuan Ong Ka Ting:** Setakat ini Kerajaan belum nampak apa-apa kesan negatif terhadap ekonomi Malaysia akibat daripada pergolakan politik di Soviet Union, walau bagaimanapun pada jangka panjang, sekiranya keadaan di negara tersebut tidak pulih seperti sediakala, besar kemungkinan keadaan ekonomi Soviet Union akan bertambah merosot dan dengan itu boleh menjejaskan eksport komoditi dan barangan Malaysia ke negara tersebut.

*(Soalan No.20. Sila lihat jawapan No. 5 pada 28.10.91)*

**KEPERLUAN PEMBANGUNAN  
ESTET**

**21. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri** menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang dibekalkan kepada pembangunan estet atau ladang-ladang di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6);
- (b) jumlah penduduk estet;
- (c) kadar kemiskinan dan jumlah penduduk miskin di estet; dan
- (d) mengapakah pihak Kerajaan enggan menubuhkan satu Tabung Pembangunan sebanyak \$1,200 juta untuk estet-estet.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):**

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, estet-estet atau ladang-ladang adalah dimiliki dan diuruskan oleh pihak swasta sendiri. Namun begitu di dalam penyediaan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) Kerajaan telah mengambil-kira keperluan pembangunan estet serta mereka yang tinggal di dalamnya terutama melalui program pembangunan infrastruktur luar bandar. Sejumlah \$93.960 juta telah disediakan untuk program bekalan elektrik ke estet-estet sementara sejumlah \$30.340 juta lagi untuk program bekalan air luar bandar ke kawasan estet. Kedua-dua peruntukan ini disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Walaupun bagi kemudahan-kemudahan seperti kesihatan, pendidikan dan lain-lain tidak disediakan secara khusus untuk atau dalam estet-estet tetapi disediakan oleh Kerajaan di kawasan sekitarnya dan boleh dinikmati bersama oleh pen-

uduk estet-estet yang berkenaan.

(b) (1) *Bilangan Pekerja dan Orang Tanggungan di Estet-estet*

Bilangan Pekerja	136,900 orang
Orang Tanggungan	206,196 orang
Jumlah:	343,096 orang

(2) Bilangan Pekerja yang tinggal di luar estet berjumlah 138,302 orang.

(3) Jumlah Tenaga Kerja di sektor perladangan ialah 275,202 orang

India	126,261
Melayu	100,571
Cina	41,321
Lain-lain	7,049

(c) Berasaskan kepada data dan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Penyiasatan Pendapatan Isirumah, 1989, kemiskinan penduduk estet ialah 15.3% di Semenanjung Malaysia, 48.8% di Sabah dan 30% di Sarawak. Ini melibatkan kira-kira 12.200 isirumah miskin di Semenanjung Malaysia, 2,500 di Sabah dan 600 di Sarawak.

(d) Pihak pengurusan estet adalah bertanggungjawab bagi menyediakan kemudahan asas untuk pekerja-pekerjanya. Perhatian yang diberikan oleh pihak pengurusan estet kepada pekerja-pekerjanya secara langsung dan tidak langsung akan meningkatkan motivasi serta produktiviti pekerja seterusnya meningkatkan keuntungan estet-estet itu sendiri. Walau bagaimanapun, Kerajaan di dalam RM6 telah memberi perhatian kepada perkara ini dengan menyediakan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur

seperti bekalan air dan elektrik ke kawasan estet-estet. Di samping itu, bersesuaian dengan Dasar Penswastaaan di mana Kerajaan ingin mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan maka adalah wajar bagi estet-estet menambah produktiviti serta berdikari dalam tanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada pekerja-pekerjanya.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Pembangunan Labuan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN

### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan pengusahaan-pengusahaan pelancongan dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

#### *Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan, 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Ketujuh)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.22, B.23 dan B.24 (Jaduat)—  
Maksud P.22, P.23 dan P.24 (Anggaran  
Pembangunan, 1992)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Sekali lagi

dikemukakan Kepala Bekalan B.22 hingga B.24 dan P.22 hingga P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Ipoh.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Belum lagi, Yang Berhormat.

3.38 *ptg.*

**Tuan Lau Dak Kee (Ipoh):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian untuk membahas....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Selepas Ipoh, Arau pula.

**Tuan Lau Dak Kee:**...bagi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Saya hendak sebut ucapan saya di bawah Butiran 04000 Urusetia Program Galakan Pelancongan dan juga bagi Butiran 03000 Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, bagi Kementerian Pelancongan, objektifnya adalah memajukan industri pelancongan menjadi satu industri utama dalam ekonomi negara dengan strategi untuk memperbanyakkan dan menjayakan aktiviti-aktiviti berbentuk pelancongan serta meningkatkan usaha galakan promosi pelancongan di dalam dan luar negeri.

Tuan Pengerusi, Malaysia telah membuka pintunya untuk rakyat Malaysia melancong ke negeri yang lain termasuk negeri-negeri Asia dan juga negeri Amerika. Pada setakat ini kebanyakannya rakyat Malaysia telah melancong ke Republik Rakyat China. Sejak tahun yang lalu beribu-ribu rakyat Malaysia yang ingin melancong keluar negeri telah mengaturkan destinasiya kepada melancong ke negeri Republik Rakyat China.

Kedutaan China di Malaysiapun telah meningkatkan proses dan menambahkan masa kerja untuk mengeluarkan begitu banyak Visa ataupun surat perjalanan untuk memudahkan rakyat Malaysia melawat ke negeri China. Tetapi sebaliknya rakyat negeri China yang ingin melancong ke Malaysia nampaknya bilangannya begitu kecil sampai setakat ini dan minatnya pun belum dapat digalakkan oleh Kerajaan.

Dalam penelitian saya bilangan yang begitu kecil rakyat China yang dapat datang ke Malaysia kebanyakannya mereka adalah daripada rombongan perdagangan, rombongan perniagaan ataupun rombongan kebudayaan yang datang ke sini untuk mempamerkan produk-produk mereka ataupun menyebarkan kebudayaan di negara kita.

Sejauh mana yang saya ketahui rakyat negeri China yang ingin dan mampu untuk melawat ke Malaysia tidak semacam rombongan-rombongan daripada Republik Rakyat China ini datang ke Malaysia, kerana walaupun mereka mampu ataupun berminat untuk melawat Malaysia, tetapi nampaknya mereka menghadapi beberapa sekatan dan halangan.

Tuan Pengerusi, pada pengetahuan saya, rakyat negeri China sekarang ini bukan dikatakan mereka tidak mampu lagi, mereka adalah rakyat yang miskin, yang mungkin mereka tidak ada peluang, tidak tahu apa-apa undang-undang ataupun tindakan-tindakan oleh Kerajaan Negeri China melarang mereka melawat ke Asia khususnya Malaysia, tetapi kalau sesiapa yang telah melawat negeri China didapati bahawa rakyat China sekarang ini bukan hanya mampu untuk melawat di dalam negerinya....

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Ipoh, ada Yang Berhormat minta jalan.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:**  
Tuan Pengerusi, saya hendak penjelasan sedikit....

**Tuan Lau Dak Kee:** Tak payahlah.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:**  
... sebab beliau ini bercakap tentang rakyat China bukan rakyat Malaysia. Itu yang saya hendak tanya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, kalau dia dengar dengan teliti, saya minta rakyat China yang mampu atau berniat untuk melawat ke Malaysia ini, bagaimana hendak cakap macam itu....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ipoh beri jalan atau tidak?

**Tuan Lau Dak Kee:** Tak payahlah itu.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:**  
Okay.

**Tuan Lau Dak Kee:** Mereka ini hendak datang melawat ke Malaysia tetapi menghadapi beberapa kesulitan.

Tuan Pengerusi, yang pertama rakyat negeri China yang hendak melawat Malaysia telah ditentukan dengan beberapa syarat.

Yang kedua, mereka hanya diberi Visa untuk tinggal di Malaysia tidak melebihi 20 hari. Kebanyakannya adalah 10 hari sahaja. Mereka dibenarkan two-way tiket sahaja, iaitu daripada Mainland negeri China ke Malaysia sahaja, mereka tidak dibenarkan pergi ke negeri yang lain seperti Singapore, Thailand dan lain-lain negeri di South East Asia, kecuali Hong Kong untuk memasuki balik ke Mainland China bagi pelancong-pelancong yang memohon untuk melawat saudara-mara mereka di Malaysia.

Yang ketiga, mereka yang memohon Visa untuk melawat saudara-mara

mereka di Malaysia dikenakan deposit sebanyak \$1,500 dan juga seorang penjamin bagisetiappelancong daripada negeri China. Tempat mereka mesli dikendalikan oleh Syarikat-syarikat Pelancong tempatan. Mereka tidak dibenarkan dikendalikan oleh wakil daripada syarikat mereka yang bertempat di Malaysia.

Tuan Pengerusi, kerana sekatan dan halangan yang dihadapi oleh mereka, yang menyebabkan keengganan dan kesukaran bagi rakyat Republik Rakyat China itu datang melawat Malaysia. Oleh kerana itu, saya minta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan membincang dengan Kementerian-kementerian yang lain yang ada hubungkait atau terbabit dengan industri pelancongan supaya sekatan dan halangan yang saya sebut itu dan mungkin ada sekatan-sekatan yang lain dapat dihapuskan, untuk menggalakkan lebih ramai rakyat negeri China yang ingin, yang mampu, yang mahu melawat Malaysia dan negeri-negeri South East Asia dapat dijalankan dengan lebih licin dan mudah.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya Tanjong.

**Tuan Lau Dak Kee:** Silakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat dari Ipoh menjelaskan bahawa perbincangan ini ialah dahpada segi galakan pelancongan, demi kepentingan tanahair kita dan bukan bagi pihak rakyat negeri China. Oleh kerana kalau tidak dijelaskan perkara ini, ini dengan senang boleh diputarbelitkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, yang berfikiran sempit, bahawa ini adalah masalah ketidakaatsetia kepada tanahair. Perlu perkara ini ditegaskan, dijelaskan supaya tidak ada orang nanti mahu memutarbelitkan perkara ini.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya memang bersetuju, sebab apa yang saya sebut di sini adalah dengan niat yang baik, bukan hanya untuk kepentingan industri pelancongan dan juga dengan keikhlasan, kejujuran dan ketaatsetiaan kepada negara Malaysia, sebab di sini saya dapati bahawa objektif untuk menggalakkan pelancongan ialah membuka lebih peluang, menghapuskan segala-gala kesulitan dan halangan untuk memudahkan orang-orang asing....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat....

**Tuan Lau Dak Kee:**...pelancong-pelancong asing yang dapat melawal Malaysia....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong bangun.

**Tuan Lau Dak Kee:**...bukan banya untuk menambah pendapatan kita dan juga memperluaskan ataupun menggalakkan pelancong-pelancong asing datang melawat Malaysia ini....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar, Parit Sulong bangun.

**Tuan Lau Dak Kee:**...tidak payahlah. Terima kasih ya—tak payahlah.

Di sini saya tidak mahu sesiapa yang akan memutarbelitkan apa yang saya sebut di sini, dan saya tahu ada anasir-anasir yang ingin berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, bagi kebudayaan, saya ingin sebut di bawah Butiran 030000 Kebudayaan. Di sini juga saya dengan jujur dan ikhlasnya ingin

meminta Kerajaan menimbangkan atau menerima tarian-tarian singa, tarian-tarian naga, chingay atau wushu ataupun catur Cina, catur English dan juga kebudayaan tanglung dijadikan satu kebudayaan Kebangsaan untuk mencerminkan berbagai-bagai kebudayaan yang berada di masyarakat Cina yang berbilang bangsa dan agama serta adat-istiadat kita.

Memandangkan tarian-tarian yang saya sebut tadi dan kebudayaan-kebudayaan seperti wushu, chingay, catur Cina dan tanglung yang telah dikembangkan di masyarakat kita begitu pesat dan luas dan sampai hari ini, setakat ini kebudayaan-kebudayaan itu bukan hanya dimonopoli oleh orang-orang Cina sahaja tetapi ramai orang-orang pilih ataupun orang-orang India berbakat untuk mempersembahkan tarian-tarian yang saya sebut itu dan mungkin mereka lebih bijak lagi untuk main catur Cina atau membina tanglung.

Tuan Pengerusi, seperti mana tarian ronggeng, joget yang berasal dari orang Melayu tetapi sekarang adalah diterima oleh semua bangsa yang menjadi salah satu kebudayaan Kebangsaan. Seperti gasing dan layang-layang juga telah diterima oleh semua lapisan masyarakat kita. Sampai hari ini kita pun tidak mempersoalkan lagi tentang penerimaannya.

Pada pendapat saya dan juga hasrat masyarakat Cina dan kebanyakan masyarakat India dan lain-lain, mungkin sampailah masanya untuk memperaku dan mengisytiharkan tarian singa, tarian naga, chingay, wushu dan tanglung sebagai salah satu antara Kebudayaan Kebangsaan. Ini bukan sahaja mencerminkan satu-satu budaya di Malaysia malah meningkatkan persefahaman, keharmonian antara kaum serta mempereratkan perpaduan rakyat Malaysia untuk menuju Wawasan 2020.

Negara kita telah lama menerima orang Melayu, orang Kadazan, orang Iban, orang Cina, orang India dan lain-

lain sebagai rakyat Malaysia dan warganegara Malaysia. Mengapa kita mahu lagi membeza-bezakan rakyat Malaysia ini ataupun membeza-bezakan kebudayaan-kebudayaan mereka? Mengapa kita tidak mahu menerima kebudayaan mereka ini menjadi kebudayaan Kebangsaan, dan mengapa kebanyakan kebudayaan yang lain tidak diterima menjadi kebudayaan Kebangsaan?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lau Dak Kee:** Cukup?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Telah lebih setengah minit.

**Tuan Lau Dak Kee:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Arau. Selepas Arau Menteri menjawab.

3.55ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, yang pertama sekali saya ingin bincang di bawah Maksud Bekalan 22 Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Di peringkat awal ini, saya ingin memaklumkan di sini bahawa rakyat Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kementerian ini dan juga agensi-agensi di bawah Kementerian ini yang telah berjaya memperkenalkan Malaysia sampai ke tahap yang membanggakan dan dalam masa yang sama telah menambahkan pendapatan negara ke tahap yang menguntungkan.

Malahan ingin saya katakan di sini bahawa sewajarnya pegawai-pegawai Kementerian ini diberi Khidmat

Cemerlang kerana dari segi pendapatan negara yang kita dapat, hasil dari pelancongan dan juga hasil dari terkenalnya negara di luar negara, mereka ini sepatutnya sudah dapat lebih daripada apa yang sepatutnya mereka dapat.

Dengan demikian, Tuan Pengerusi, apa yang Kementerian ini minta pada hari ini sepatutnya kita luluskan dan sepatutnya apa yang kita cadangkan untuk ditambah, dibuat sesuatu untuk menambah kerana usaha-usaha mereka selama ini telah mencapai kejayaan. Walau bagaimanapun, kita ada beberapa perkara yang ingin kita buat teguran.

Yang perlama, ini mengenai Butiran 030000 Kebudayaan. Saya rasa saya kurang puas hati lentang takrifan apa dia budaya. Masing-masing punya takrifan sendiri tentang budaya. Saya juga mempunyai takrifan sendiri tentang budaya tetapi Kerajaan juga mempunyai takrifan yang menyeluruh berhubung dengan kebudayaan. Kebudayaan ini bukan satu benda yang menyusahkan. Kebudayaan inilah cara hidup yang membolehkan orang itu terus hidup—cara hidup. Dia bukan benda yang menyusahkan tetapi saya lihat pihak Pembangkang termasuk Ipoh baru sebentar tadi menyuarakan pendapat seolah-olah kebudayaan ini sesuatu benda yang menyusahkan sehingga terpaksa dijadikan isu perkauman. Sehingga terpaksa dikatakan kerana kebudayaan ini menyebabkan Kerajaan membeza-bezakan rakyat. Ini budaya, bukan benda yang menyusahkan.

Benda ini adalah cara hidup yang menjadi sebatian dengan diri kita. Budaya kita makan, budaya kita bergembira, budaya kita bercakap. Budaya DAP maki Barisan. (*Ketawa*) Itu budaya, benda yang tidak susah. Keluar daripada lidah tidak berulang dan juga lidah-lidah bercabang. (*Ketawa*) Jadi, kalau kita hendak katakan budaya ini sesuatu yang susah....

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Arau, Ipoh bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Fasal apa kawan saya bangun tadi dia tidak beri? (*Ketawa*) Saya tidak takut Saya memang seorang yang baik hati, murah hati. Saya boleh beri sebab saya orang Barisan tetapi kalau orang lidah bercabang hendak lagi, silakan, no problem!

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta sedikit penjelasan. Apa yang saya sebut tadi itu adalah dengan jujur, ikhlas untuk menyatupadukan rakyat Malaysia, untuk kebaikan semua kaum di negara kita dan itu cadangan saya dan saya hendak minta penjelasan, adakah dari segi agama di mana sesuatu budaya yang telah dikurniakan oleh Tuhan ataupun Tuhan Allah, maka manusia patut tidak menghalang atau membuat apa-apa sekatan terhadapnya?

Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya harap saudara-saudara dari PAS, S46 tolong perbetulkan sedikit kenyataan yang budaya kurniaan Tuhan, you kena belajar dari PAS. Kenyataan itu tidak betul sedikit.

Budaya ini adalah ciptaan manusia yang menjadi cara hidup kita untuk bertindak tiap-tiap hari—itu budaya. Budaya bukan satu benda yang memeningkan kepala dan bukan kerana tanglung menyebabkan rakyat Malaysia boleh bergaduh. DAP ini sengaja hendak adakan, bukan kerana tarian singa. Saya berharap dijawab dengan tepat sebentar tadi, bukan kerana ini yang boleh menyebabkan ini akan merosakkan perpaduan negara—tidak ada. Budaya adalah sesuatu benda yang menjadi amalan yang memudahkan kita berhubung, bukan menyusahkan kita. Kalau budaya itu menyusahkan, katakan

budaya mesti tikam kaki tiap-tiap hari, itu menyusahkan. Orang tidak buat macam itu. (*Ketawa*) Tetapi kalau budaya kita bercakap, bersenyuman, selamat pagi, itu boleh dibuat. Itu budaya cakap, budaya makan. Tidak ada masalah dan juga budaya akhbar-akhbar. Akhbar sekarang ini pun sudah masuk banyak sebelah DAP, tidak apalah. Satu sahaja akhbar, bukan semua. Nanti saya tidak dapat coverage pula. Tetapi walau bagaimanapun, itu bagus kerana itu adalah budaya mereka sebab mereka hendak DAP beli banyak suratkhbar mereka. Itu terpulang.

Walaupun kita tidakkata, mereka kata kita kata, itu terpulang, tiada masalah, mereka bebas. Ini budaya bebas mereka, budaya DAP.

Jadi budaya bukan satu benda yang susah. Pihak Kerajaan diminta untuk memikirkan bahawa jangan ada mana-mana pihak, DAP atau sesiapa yang menjadikan ini sebagai isu yang boleh memeningkan kepala kita. Sebenarnya tidak kerana inipun rakyat Malaysia sudah bersatu. Budaya baik macam manapun kalau perut kosong, tidak jadi. Ini yang diberi penekanan oleh pihak Kerajaan. Pastikan rakyat mempunyai keceknnya berisi, perutnya penuh baru wujud budaya. Kalau sekiranya perut kosong, seperti kebuluran di Afrika, hendak menaripun lidak boteh, hendak angkat tangan pun tidak larat, hendak menari apa? Tiada budaya.

Budaya ini wujud dengan baik apabila perut penuh dan semua orang gembira. Itu baru ada budaya dan Kerajaan telah membuat segala-galanya dan semua orang gembira. Kita hendak wujudkan budaya yang boleh menyusahkan kepala? Tidak ada. Termasuk mungkin kita hendak membuat perayaan Memali tiap-tiap tahun, mungkin kita hendak jadikan ini budaya? Ini satu benda yang kita kena fikirkan. Ini menyusahkan.

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Tumpat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mabmood:** Tuan Pengerusi, saya hendak perbetulkan sedikit masalah budaya tadi. Sebenarnya budaya itu telah ditentukan oleh Tuhan. Memang betul sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh, budaya ini ialah way of life, dengan izin.

Satu lagi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, semalam Ketua Menteri Melaka mengisytiharkan akan memecat jawatan calon PAS yang akan bertanding di Serkam. Walaupun jabatan dia itu....

**Tuan Pengerusi:** Adakah kena mengena dengan apa yang....

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood:** Ada kena mengena, iaitu tnasalah kebudayaan.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tidak.

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood:** Saya hendak bertanya, budaya apa itu? Maksudnya, calon PAS di mana pihak Ketua Menteri Melaka mengisytiharkan....

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa lidak kena-mengena dengan culture atau kebudayaan. Hu tidak. Ini politik. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood:** Saya rasa ini bertentangan dengan budaya penyayang yang di-amalkan oleh Kerajaan sekarang ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebenarnya saya hendak jawab, tetapi Tuan Pengerusi tidak beri jawab, saya tidak jawablah. Cuma saya hendak sentuh di sini, saya tahulah semua ciptaan Allah, bumi ini semua ciptaan Tuhan, tetapi Tuhan hendak tentukanlah yang mana bagus, yang mana kita manusia sendiri membuat pertimbangan

dan akhirnya bila menjadi amalan, jadi kebudayaan. Kalau Mamali tiap-tiap tahun, diajadi budayalah. Tetapi budaya siapa sekarang? Adakah budaya Islam? Budaya PAS? Budaya apa? Saya tidak pasti. 46 tidak boleh campur ini, sebab ini PAS yang buat. 46 pun ada terlibat semasa Memali dahulu.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan di sini bahawa budaya bukan sesuatu yang menyusahkan, sesuatu yang menjadi amalan hidup kita, amalan rakyat Malaysia sehingga boleh berhubung antara satu sama lain. Semua wakil DAP yang muncul bercakap dalam dua hari yang lepas iaitu semalam dan hari ini, saya dapati menekankan ciri-ciri tertentu dalam kebudayaan itu yang harus ditekankan, dijadikan Kebudayaan Kebangsaan seolah-olah tanpa ini perpaduan tidak wujud. Ini bukan budaya negara. Jangan sempitkan fikiran sebab saya tahu mereka bukan bercakap bagi mana-mana pihak.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ipoh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya baru bercakap lima minit.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya tidak sebut kalau budaya yang saya sebutkan itu tidak diterima, maka tidak adalah perpaduan. Saya tidak sebut begitu. Apa yang saya sebut ialah mengapa kita tidak boleh menerima budaya-budaya yang telah ditentukan oleh Allah dan daripada ucapan Yang Berhormat dari Arau itupun cadangan saya tidak menyusahkan sesiapa. Mengapa Kerajaan tidak menerimanya dengan susah-susah lagi?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak apalah. Saya ingat itu tidak penting dijawab, tetapi oleh kerana yang bertanya ini Ahli Parlimen, kii jawab jugalah. Yang Berhormat kata ladi Kerajaan membeza-bezakan rakyat.

Tidak boleh sebut macam itu. Kerajaan tidak bezakan rakyat. Beza macam mana? Kalau Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional naik gaji, DAP pun dapat. Kalau DAP tidak mahu ambil, angkat tanganlah, tidak payah ambil, bagi dekat saya semua sayapun seronok. Sebenarnya tidak ada perbezaan. Apa yang kita buat di sini, di sanapun dapat. Apapun polisi Kerajaan, pihak di sana dapat. Tidak ada dikatakan di sana terpaksa tidak makan nasi dan di sini makan nasi, tidak ada. Semua sama. Di sana sakit doktor Kepong boleh ubat. Mungkin satu hari doktor Kepong boleh ubat dengan saya sama, tetapi cucuk ubat yang betullah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan di sini bahawa budaya bukan sesuatu yang menyusahkan tetapi ia sesuatu yang megelokkan hubungan. Marilah kita bekerjasama, kita bertolak ansur sedikitlah jangan jadikan ini isu yang boleh merosakkan usaha-usaha negara untuk membangun. Saya tidak mahu ini, tidak seronok. Isu-isu lain tidak apa, kita boleh sokong yang mana boleh disokong tetapi jangan jadikan ini perkara yang boleh merosakkan, sebab budaya ini cukup sensitif, benda yang senang tetapi sensitif. itu dia budaya—senang tetapi sensitif—itu dia takrifan yang tepat tentang budaya. Saya lupa sebutkan tadi. Jangan gunakan benda yang senang tetapi sensitif ini untuk merosakkan perpaduan. Untuk apa kita hendak merosakkan perpaduan? Anak-anak Yang Berhormat Ipoh dan anak saya nanti hendak berkawan. Kita mesti tunjuk contoh yang baik. Awak mesti berkawan dengan saya. Adakah Yang Berhormat hendak anak-anak kita di masa hadapan ini bergaduh? Rosak, kerana Yang Berhormat menekankan budaya yang tidak betul. Saya menekankan budaya untuk bertolak ansur. Inilah Barisan Nasional.

Kita pergi kepada tajuk yang kedua, Tuan Pengerusi. . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ipoh bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak apa.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau. Pernahkah saya menyebel budaya-budaya salah atau benarkah budaya-budaya yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau itu yang betul yang boleh diterima? Dan menurut ucapan Yang Berhormat dari Arau itu dikatakan satu-satu budaya bukan hendak menyusahkan sesiapa. Maka berdasarkan untuk meningkatkan perpaduan rakyat antara semua kaum, untuk berdasarkan tidak membezakan rakyat kita sebagai orang Cina, Melayu, India dan sebagainya mengapa Yang Berhormat dari Arau tidak mencadangkan bahawa kebudayaan-kebudayaan yang baik, yang bermoral dan yang suci dapat diterima dengan senang dan mudah?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya menjawab. Sebenarnya budaya ini bukan paksaan, tetapi budayanya ini berlaku dalam bentuk proses perlahan-lahan sehingga dia menjadi cara hidup. Itu dia budaya. Saya harap tepatlah, lebih kurang macam itulah. Tetapi cara kita hendak meminta sesuatu itu dia mesti berbudaya. Budaya ini bukan kita paksa Kerajaan mesti ikut. Itu bukan budaya yang betul. Kalau sekiranya itu elok, kita tolong pujuk. Saya pun tidak pernah tengok tanglong macam mana, tarian singa pernah tengok sekali sekala. Kalau benda yang elok kita sama-sama minta Kerajaan, "Saya ingat ini elok". Jangan desak: "Ini Kerajaan mesti terima, ini kebudayaan." Budaya apa macam itu? Itu hendak paksa orang, mana boleh. Iiu bukan budaya yang betul. Cara budaya yang betul, cakap elok-elok, "Saya ingat ini elok patut Kerajaan buat, kerana ini boleh diterima dan baik."

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Cukup, cukup, tabik. Sudah tinggal lima minit, saya tidak banyak perkara yang saya hendak sentuh. Sekejap lagi Yang Berhormat boleh tanya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia tidak bagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak beri tahu, macam Kepong kadang-kadang bahasa dia bagus sedikit. Tetapi kawan saya dari Kota Melaka dan Ipoh, cara cakap mereka kadang-kadang sakit sedikit. Paksa Kerajaan, "ini mesti terima, kalau tidak ini boleh merosakkan perpaduan". Siapa yang hendak terima kalau paksa macam itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kota Melaka.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kalau cara kita ini budaya elok, ini tanglong budaya yang elok. Tetapi DAP boikot saya tempoh hari, boikot ini bukan budaya Islam, tahu! Ini paksa, "Awak jangan bercakap dengan dia," tetapi berkerjasama dengan Islam. Adakah budaya DAP ini boikot orang? Kenapa tidak boikot Kerajaan, keluar semua supaya senang kami hendak ber-bahas... .

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan kepada Kota Melaka atau tidak?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kenapa pilih Shahidan? Kenapa tidak pilih Perdana Menteri? Sebab dia pilih saya, saya memang jenis tidak takut punya, malam dan siang, bila-bila boleh. Tetapi ini menunjukkan itu budaya tidak betul. Budaya yang betul ialah berjumpa dengan saya, cakap elok-elok, boleh kita kaji.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak kepada dia?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Macam kita sembang di luar atau kila minum kopi. Itu budaya yang elok. Ini 'boikot', 'paria'. Siapa yang paria? Paria ini orang yang menyeberangi laut, saya tak pernah menyeberangi laut. Saya berada di sini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya, Yang Berhormat sebagai Pengerusi BBC, adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa perlu mendapat persetujuan dari pihak MCA bahawa pertunjukan tarian kebudayaan Cina tidak harus dimasukkan sebagai satu acara dalam Perayaan Hari Kebangsaan dan bahawa ciri-ciri kebudayaan semua kaum harus dijadikan sebahagian daripada budaya nasional? Yang kedua, Tuan Pengerusi... .

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Singkat sahaja, mengenai rungutan Yang Berhormat tadi bahawa beliau diboikot oleh DAP, ini adalah kerana kelakuan Yang Berhormat pada satu ketika agak tidak senonoh. Tetapi nampaknya sekarang ada improve sedikitlah (*Ketawa*) Jadi, mungkin ini boleh dapat iktibar dari pengalaman itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya hendak Yang Berhormat tanya semua wakil rakyat di dalam Dewan ini, antara saya dengan Yang Berhormat itu siapakah yang paling samseng sekali, paling kurang ajar sekali? (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini saya tak mahu lawan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya kalau orang tak provoke saya, saya tak

kacau orang lain. Ini dahulu pernah waki) Jelutong mengatakan saya "kerbau", saya kata dia kurang ajar. Saya balas balik, macam itu sahaja. Dari segala segi, saya seorang panglima yang gentleman (*Ketawa*) Saya lawan siapa sahaja, you know. Orang yang berbudayalah. Saya tak pernah membuat orang kalau orang tak kata pada saya. Tetapi you, perang-perang bantai Kerajaan. Kalau hendak kira, Parti Barisan Nasional....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Arau, jangan bercakap dengan dia terus, tak boleh. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kemudian, yang keduanya fasal tarian. Saya tak sebut secara khusus. Saya kata walaupun katakanlah tarian singa bagus, cakaplah secara bagus, tarian singa ini bagus, saya mintalah Kerajaan tolong tengok sebab ini boleh mewujudkan perpaduan tetapi cara ditekankan itu salah. Saya tak katakan tarian singa tak bagus, tanglung tak bagus. Saya menyebutkan cara budaya DAP minta benda itu tak betul. Cuba tengok cara budaya beckbencher minta kepada Kerajaan untuk naik gaji: "Tolong Dato' Seri, perkara ini sudah lama." DAP pun mari dalam bilik air, kata: "Kami sokong Yang Berhormat. "Saya kata, "Jangan sokong dalam bilik air, di dalam Dewan mestilah disokong selepas ini." (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, yang keduanya saya hendak senluh mcngeni Arkib Negara dan juga Muzium Negara—habislah fasal budaya itu—iaitu berhubung dengan pembelian harta kebudayaan di bawah Arkib dan ju a Muzium.

Saya tengok peruntukan ini terlampau kecil, saya cuma hendak cadangkan kepada Kementerian supaya oleh kerana harta-harta kebudayaan kita ini, contohnya untuk Arkib Negara \$ 100,000 dan Muzium \$750,000. Sebab hendak beli harta kebudayaan ini, ia bukan satu benda yang murah dan harta kebudyaaan ini, kadang-kadang ada dalam simpanan

anak tempatan dan ada di luar negeri. Saya ingat perlu difikirkan semula dan perlu dibuat secara agresif sebab kita sudah hendak mencapai dekad tahun 2000, saya takut barang-barangan budaya ini nanti rosak. Dan barangan ini tak mudah dibeli, sebab barangan lama ini, semakin larna semakin mahal. Manusia semakin lama semakin murah, tetapi barang-barang lagi lama, lagi mahal. Jadi, untuk mengelakkan supaya ia tidak mahal dan dalam masa yang sama untuk menjaga keselamatan benda-benda yang lama ini, saya minta benda ini dibuat secara agresif sedikit supaya pegawai-pegawai kita pergi menyiasat dan mendapatkan bukti-bukti supaya benda-benda ini dapat kita kekalkan dan perlahankan.

Saya pernah pergi ke sebuah kampung dan saya tengok ada tulisan lama, saya ingat betul-betul lama, tetapi saya tak begitu faham bacaannya. Jadi, saya ingat benda-benda ini boleh dibeli. Sayapun sudah maklumkan kepada pihak Muzium. Jadi maknanya kawan berkenaan pun sudah tahu dan ada harga dilelak, ini kena mahal kerana saya telah simpan sehingga saya hampir mati. Jadi, saya sudah simpan hampir 60 tahun, kalau hendak kira bunga pun, dia kata sudah tinggi harganya. Betul juga, saya kata. Kalau you beli dahulu \$10, campur-campur bunga 60 tahun, jadi kena buat macam ituiah untuk dijual kepada Muzium. Jadi, \$750 ribu dan \$100 ribu ini tak cukup, untuk pergi ke luar negeri dan juga dalam negeri. Banyak juga harta kebudayaan kita yang berada di Afrika Selatan yang dibawa oleh pedagang-pedagang tempoh hari yang boleh kita beli semula. Jadi, banyaklah benda-benda ini yang perlu dilihat dan mungkin kita boleh hantarkan pegawai untuk pergi ke negeri China, siasat Hang Li Poh ini asalnya anak siapa. Jadi, hendak tengok hubungan itu, mari ke sini jadi Baba Melaka. Jadi, banyaklah harta-harta kebudayaan yang perlu disiasat untuk membolehkan kita mempertahankan dan membanyakkan khazanah. Dan saya juga minta supaya Muzium

Negara cepat-cepatlah berpindah ke kompleks yang lebih besar sebab yang ada itu terlampau kecil dan dengan itu saya rasa kita boleh mempertahankan khazanah negara kita.

Sebelum saya mengakhiri, saya hendak sebutkan di sini bahawa Kementerian ini cukup membanggakan kita dan jangan jadikan kebudayaan kebangsaan ini satu benda yang memeningkan, tetapi anggaphlah ini sebagai satu benda yang akan berlaku juga mengikut prosesnya dan cuma elakkan supaya pihak tertentu tidak menggunakan benda ini sebagai isu yang sensitif sebab budaya ini sesuatu yang patut dinikmati bersama. Kalau tak dapat dinikmati bersama, itu bukan budaya. Itu hanya wakil kumpulan tertentu.

Jadi, demikian sahaja pandangan saya, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong sepenuhnya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

*4.16 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman);** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian membincangkan anggaran di bawah peruntukan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya tidaklah berhasrat untuk menjelaskan dengan panjang lebar perkara-perkara yang telah ditimbulkan. Walau bagaimanapun, sekiranya saya tidak menyentuh di dalam jawapan saya ini, perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun dicatat dan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Pertama sekali inginlah saya menjelaskan tentang perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari

Arau yang mana beliau telah mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini dan beliau telah mengucapkan tahniah kerana Kementerian ini telah berjaya memperkenalkan Malaysia ke lahap yang membanggakan. Bagi pihak Kementerian, kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyentuh perkara tersebut.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan ini, kejayaan ini semuanya dapat dicapai adalah hasil kerjasama daripada semua pihak, semua Kementerian dan semua agensi-agensi yang ada dan begitu juga dengan hasil kerja-kuat pegawai-pegawai di bawah Kementerian ini. Namun begitu, bagi pihak Kementerian, kami belum lagi merasa begitu puas hati dan insya Allah, kita akan bekerja keras dan lebih kuat lagi bagi memastikan kejayaan-kejayaan yang lebih lagi di masa-masa yang akan datang.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa budaya bukanlah suatu yang boleh dipaksa-paksa. Budaya mestilah berlaku dalam bentuk secara beransur-ansur....

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pengkelan Chepa bangun.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, saya beri seorang Ahli sahaja peluang kerana masa singkat untuk Kementerian yang lain.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, saya pun merasa terlampau penting untuk mendapat penjelasan. Apa yang saya ingin minta penjelasan ialah hujah yang diberi oleh wakil dari Arau sebentar tadi dengan mentafsirkan makna budaya ini adalah satu cara hidup yang mudah. Saya amat tertarik dengan hujah itu. Cumanya saya ingin mendapat penjelasan tetapi saya bimbang hendak tanya kepada

beliau, kerana mungkin dijawab ke arah lain.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kalau hendak minta penjelasan dari Arau, tak bolehlah minta Menteri menjawab.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tak mengapalah, saya hendak kemukakan soalan iaitu maksud saya, saya ingin tahu adakah dengan istilah budaya ini cara hidup yang mudah, bagaimana kalau budaya itu bercanggah dengan akidah, bercanggah dengan pegangan, dan banyak terdapat hari ini di dalam Malaysia ini budaya-budaya yang diamalkan oleh Kerajaan sendiri yang bercanggah dengan akidah, khususnya dengan ajaran Islam seperti judi sudah jadi budaya, arak sudah jadi budaya, mendedah aurat sudah jadi budaya, rasuah sudah jadi budaya dan penyelewengan sudah jadi budaya. Dan inilah cara hidup yang paling mudah yang menjadi amalan kepada Kerajaan sendiri. Apakah budaya ini patut dikekalkan?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen belum berucap lagi tentang perkara itu, Yang Berhormat sudah tanya pula.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Dia sudah sebutkan tadi, mentafsirkan istilah budaya oleh wakil Arau, sebab itu saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Dia baru kata satu ayat sahaja.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tak apalah, tolong jawablah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Arau, tidak boleh bangun macam itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Dia kata yang menghabiskan hanya seorang sahaja.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, tidak mengapa. Saya belum habis lagi, baru mukaddimah, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah bangun. Tetapi saya ingat kalau hendak minta penjelasan tentang apa yang dikatakan oleh Arau tadi, lebih baik Ahli Yang Berhormat minta daripada yang di belakang Yang Berhormat itu, Wakil dari Tumpat. Sebab tadi beliau yang berkaia bahawa budaya itu daripada Tuhan, jadi burukkan atau baik, minum arakkah, semuanya daripada Tuhan. Ahli Yang Berhormat patut tanya Ahli dari Tumpat, bukan tanya Ahli Yang Berhormal dari Arau.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Tumpat bangun.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya tidak beri.

**Tuan Pengerusi:** Tidak beri?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tidak beri, saya sudah sebut tadi, satu sahaja. Ini budaya saya, saya kata sekali, sekali sahaja, tidak ada lain, budaya yang tepat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sila jawab.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Jawab apa, tadi Tumpat yang katakan bahawa budaya daripada Tuhan dia kata, arakkah apa, Tumpatlah kata, bukan saya kata.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Dia sudah kata tidak mahu beri.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tadi Ahli Yang Berhormat dari Arau mengatakan bahawa kita jangan anggap budaya itu sebagai satu penghalang, kita mesti memudahkan dalam menerima sesuatu budaya, jangan paksa, macam Ipoh hendak paksa, suruh buat ini, suruh buat itu. Jadi, itu maksud Arau, saya boleh faham.

Tetapi Pembangkang ini, dia sengaja tidak mahu faham, hendak kata tidak pandai pun susah.

**Tuan Lau Dak Kee:** Point of order.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap Yang Berhormat. Point of order ini.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Point of order bolehlah.

**Tuan Lau Dak Kee:** 36(6).

**Tuan Pengerusi:** Apa dia?

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya ingat ini ada satu sangkaan jahat oleh kerana saya tidak sebut apa saya minta itu dipaksakan ataupun mesti diterima oleh Kerajaan, tidak. Saya hanya minta Kerajaan menerima, sama ada menerima atau tidak, ini tidak ada unsur-unsur paksa. Oleh kerana itu apa yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen itu mungkin berunsur niat jahat.

**Tuan Pengerusi:** Apa dia, niat jahat. (*Ketawa*)

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap Yang Berhormat. Saya hendak beri tafsiran. Dia sebutkan berkenaan dengan tata-tertib, kemudian saya kena jawablah, itu tugas saya pula.

Jadi, perkataan yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi ialah interpretasi dia, dia interpret macam itu. Kalau tidak, tidaklah. Ahli Yang Berhormat kata tidak, dia tidak paksa, ikut sukalah. (*Ketawa*)

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, saya pun tadi hendak menjelaskan bahawa itu interpretasi Arau kepada Ipoh. Jadi, dia kata kalau hendak minta kita melaksanakan kebudayaan atau kesenian sesuatu bangsa mestilah beransur-ansur, jangan secara paksa-paksa seperti yang diminta oleh Ahli dari Ipoh.

Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Tumpat bangun pula.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tidak payahlah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Tuan Pengerusi:** 36(6) pula.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sangkaan jahat, sebab Yang Berhormat telah menjelaskan tadi, bahawa kebudayaan itu daripada Tuhan, ertinya yang baik dan yang jahat itu daripada Tuhan. Sebenarnya saya hendak memperbetulkan yang jahat itu tidak daripada Tuhan tetapi yang baik itu adalah daripada Tuhan.

**Tuan Pengerusi:** Tidak mengapalah.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, kalau awal-awal tadi dia kata begitu, bagus, senang kita. Tadi dia tidak sebul. Kalau lidak percaya, buka *Hansard* besok, belul alau tidak,

dia ada sebut atau tidak perkataan yang dia ulang ini. Saya berani akui dia tidak berkata macam itu.

**Tuan Pengerusi:** Tidak mengapalah, jalanlah.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Sudah lepaslah itu.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Arau juga menimbulkan soal peruntukan bagi Arkib dan Muzium iaitu mengenai pembelian haria kebudayaan simpanan yang pada pandangan beliau terdapat di kalangan tempatan dan juga antara-bangsa.

Memanglah kita akui bahawa peruntukan yang sebegini tidak mencukupi dan kita ucapkan tehma kasihlah kerana Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara ini. Walau bagaimanapun, peruntukan yang demikian masih boleh kita teruskan kerana selain daripada peruntukan Kerajaan, kita juga ada program kerjasama di antara Muzium di peringkat antara-bangsa, begitu juga Arkib-arkib di peringkat antarabangsa, umpamanya dengan pihak Muzium di Britain dan Muzium di Kanada dan sebagainya.

Jadi, melalui program ini kita boleh mendapat bantuan serta pertukaran maklumat mengenai barang-barang yang tersebut. Bagi tempal-tempat lain, insya-Allah, pihak Arkib dan Muzium akan meneruskan usaha-usaha unluk meningkatkan dalam program ini.

Tuan Pengerusi, semalam Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan pada dasarnya dua perkara. Pertamanya, mengenai saranan beliau dan hari ini Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pun ada menimbulkan iaitu dengan menyatakan bahawa objektif Program Kebudayaan di bawah Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1992 iaitu menekankan penyertaan rakyat. Oleh yang demikian beliau bcranggapan aktiviti kesenian dan

kebudayaan hendaklah diberi tempat di dalam objektif ini. Lantaran itu beliau telah menimbulkan kenapa tarian singa tidak dibenarkan dan hari ini Ahli Yang Berhormat dari Ipoh memanjangkan pula kepada tarian-tarian lain lagi, 'cingay', 'tanglong'. Lantaran itu telah menimbulkan kenapa tarian singa tidak dibenarkan di dalam acara Hari Kebangsaan lahun 1991 yang baru lalu.

Saya hairanlah baru sekarang, selama ini kita tidak dapat lihat apakah matlamat DAP tetapi semalam dan hari ini kita lihat perkara ini ditimbulkan, bukan sahaja pada anggapan kita ia bertujuan mengenai kebudayaan Cina tetapi cuba untuk mengeksploitasikan dua pilihan-raya yang ada, kerana selama ini kita ingin tahu apakah sumbangan DAP kepada kebudayaan Cina, begitu juga khususnya kepada kebudayaan kebangsaan. Bolehkah seorang Ahli khususnya dari Kota Melaka yang tidak tahu berucap di dalam bahasa Cina untuk memperjuangkan kebudayaan Cina, 'tepek dada tanya selera'. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya tidak beri.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Hoo!

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Ha! itu budaya baru. Itulah budaya DAP.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini budaya tidak cagak benar.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, tengok, itulah budaya DAP. Tuan Pengerusi belum beri dia

bercakap, dia telah bercakap. Budaya apa ini? Ini hendak suruh orang ikut budaya dia? Minta maafalah.

Seorang Ahli: Budaya samseng!

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Yang itu saya tidak kata, dia kata "samseng".

Jadi, kita selama ini tidak nampak, apakah sumbangan beliau, sumbangan DA? kepada pembangunan sama ada kebudayaan Cina, apatah lagi tentang Kebudayaan Kebangsaan. Saya ingin menjelaskan di sini dan saya harap mana-mana pihak termasuk DAP janganlah memutarbelitkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia yang telah sama-sama kita persetujui untuk dijadikan matlamat dan asas bagi mengukuhkan perpaduan negara melalui Kebudayaan Kebangsaan.

Rakyat dan kelompok-kelompok rakyat bolehlah menjalankan aktiviti-aktiviti kesenian masing-masing, tetapi dari segi Kerajaan, kita mempunyai matlamat yang harus diberi keutamaan bagi memastikan cita-cita matlamat tersebut beroleh jayaaan.

Saya ingin menjelaskan tiga perkara yang penting di dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang mesti bukan sahaja rakyat bahkan Ahli-ahli dari DAP sendiri hendaklah memahami hakikat ini.

Dasar itu ialah;

- (i) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia sendiri mestilah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Saya ulangi—berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini;
- (ii) unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan; dan
- (iii) Islam menjadi unsur penting di dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Dalam konteks yang saya sebutkan di atas tadi jelas kepada kita bahawa tarian singa ataupun tarian-tarian etnik kaum Cina yang lain adalah merupakan satu tarian suku kaultn di dalam negara ini dan ianya telah ditunjukkan oleh kaum itu sendiri di dalam perayaan-perayaan mereka, ini termasuk sewaktu perayaan Tahun Baru Cina umpamanya. Tetapi kita tidaklah berhasrat untuk menjadikan tarian singa ini sebagai satu tarian yang termasuk di bawah dasar yang menyatakan ianya adalah kebudayaan rakyat asal rantau ini kerana tarian singa terdapat di Hongkong, larian singa terdapat di Taiwan, bahkan di Negara China tarian singa ini diharamkan sama sekali, Walau bagaimanapun, inginlah saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ada unsur-unsur dari tarian singa itu yang telah diterima dalam kebudayaan negara kita, umpamanya dari segi paluan gendang kita telah membuktikan sewaktu menyambut Pesta Malaysia yang baru lalu, paluan gendang tarian singa telah turut diselaraskan dalam muzik pembukaan Pesta Malaysia tersebut.

Tuan Pengerusi, kebudayaan Cina ini bukan tarian singa sahaja, ini kena faham. Jadi yang hari ini DAP sibuk-sibuk tentang tarian singa ini fasal apa? Ini tidak lain dan tidak bukan, mereka cuba untuk mengeksptoitasikan suasana dalam keadaan yang sekarang ini.

Tuan Pengerusi, semalam juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka lelah menimbulkan mengenai Pusat Kebudayaan Cina atau Chinese Culture City. Inginlah saya maklumkan bahawa perkara ini adalah merupakan subjek parti di dalam Kerajaan Barisan Nasional. Pendirian Kerajaan telahpun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana Parti MCA telah diminta untuk mengkaji semula projek berkenaan demi kepentingan negara dan kami dalam Barisan Nasional telahpun menyelesaikan perkara ini melalui semangat perpaduan dan perbincangan dengan parti-parti politik

dalam Barisan Nasional, khususnya dengan MCA. Pada pandangan Kerajaan cara yang demikian....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya tak benarkan. Tadi saya sudah beri.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Okay, berilah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa MCA telah melancarkan satu pungutan derma untuk melancarkan projek mereka, sungguhpun seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa perkara ini telah tidak dipersetujui oleh Kabinet dan perkara ini telah dinyatakan dengan sendiri oleh Presiden MCA, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Kedua, mengenai tarian singa. Saya hendak mendapat tahu sama ada tarian singa akan dimasukkan dalam acara atau program Perayaan Hari Kebangsaan untuk tahun depan? Apakah sebab mengapa ia dikeluarkan untuk tahun ini sedangkan ia dibenarkan untuk tahun lepas. Saya tidak mahu menjawab tentang tohmahan-tohmahan yang dilemparkan tadi terhadap diri saya sendiri kerana ini terbukti kepada rakyat.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, jelas sekarang di hadapan kila Ahli dari Kota Melaka telah menyelewengkan apa yang saya sebutkan. Saya tidak kata bahawa Kabinet bersetuju atau Kabinet tidak bersetuju. Yang saya katakan tadi Yang Amat Berhormat telah meminta pihak parti yang berkenaan untuk mengkaji semula perkara ini, ia sudah tentulah berada dalam kajian (*Disampuk*) Tadi masa Yang Berhormat bangun bercakap,

saya tak bising. Tetapi bila saya bercakap, Yang Berhormat bising, budaya apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Berilah saya jawab. Tengok, Tuan Pengerusi, bagaimana saya hendak jawab macam ini?

Mengenai perkara yang kedua, mengenai tarian singa. Pada tahun 1990 kita adakan dalam sambutan Hari Kemerdekaan, memang benar kita adakan dan tahun ini kita tidak adakan. Mengenai Perayaan Hari Kemerdekaan, ia diatur setiap tahun oleh satu jawatankuasa dan aturcaranya sudah tentulah diubahsuai pada setiap tahun. Kalau setiap tahun diadakan Berhormat juga yang bangun dan

berkata, tengok tak ada apa perubahan, duduk macam itu juga, takuk lama juga. Itu sebab kita ada satu jawatankuasa yang bertanggungjawab, kita memperbaiki daripada satu tahun ke satu tahun untuk menyambut Hari Kemerdekaan, hari kebesaran negara kita. Jadi kita tidaklah statik, kita ada perubahan. Ini yang kita lakukan. Jadi kalau tak ada tahun ini, itu tidak bermakna kita halang supaya tanan singa tidak diadakan. Kalau kita hendak halang, tahun 1990 pun kita sudah halang.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Jadilah. Beri Kementerian lain pula, banyak lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya beri peluang akhir (last) kepada Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menegaskan sekali lagi, mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen silap faham atau sengaja tak mahu faham. Apa yang saya katakan tadi ialah kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Presiden MCA, bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam perkara ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sangat konsisten. Dia kata seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri. Tetapi apa yang disebutkan oleh Presiden MCA bercanggah dengan apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terutama di suratkhbar Cina. Dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dibenarkan dikeluarkan dalam suratkhbar Cina kerana dipaksa tidak boleh keluar dalam suratkhbar Cina oleh Setiausaha Parlimen MCA kepada Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat dari Pontian. Inilah yang berlaku. Saya kena jelaskan di sini kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tak baca suratkhbar Cina seperti saya, tak tahu. Oleh sebab itu saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh tahu tentang perkara ini bahawa pembohongan yang berlaku adalah hasil ekoran daripada apa yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Presiden MCA yang bercanggah dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di sini saya juga hendak mendapatkan sebab mengapa tarian singa tidak dibenarkan, itu sahaja, memandangkan bahawa ia dibenarkan pada tahun yang lepas.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, itulah sikap, macam mana dia kata dia baca suratkhbar Cina sedangkan dia tak tahu bahasa Cina? (*Disampuk*) Ini satu pembohongan di hadapan kita. . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sangkaan jahat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Sangkaan jahat apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, kalau hendak buktikan....

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya tahu... .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah. Sila jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan cakap yang tidak benar.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, itulah saya hendak sebutkan supaya kebudayaan ini janganlah dipolitikkan kerana kebudayaan adalah merupakan teras sepertimana yang kita kehendaki, iaitu kita mempunyai matlamat untuk mengukuhkan perpaduan negara melalui kebudayaan kebangsaan. Jadi kita jangan memainkan kebudayaan kerana ini akan merugikan masa hadapan bangsa kita sendiri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari. . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat. Jikalau dia jawab macam manapun, Yang Berhormat boleh kata tak puas hati.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, jelaslah kepada kita bahawa subjek yang dibawa iaitu mengenai Pusat Kebudayaan Cina ini dibawa oleh Parti MCA, tetapi kita lihat di Dewan ini DAP cuba menjadi juara kepada subjek ini. Jadi inilah kita tahu sudah mengesahkan kepada kita bahawa DAP adalah 'parasite' kepada MCA.

*(Tepuk)* Kalau dalam pepatah Melayu mengatakan DAP seperti "umang-umang". Tahu umang-umang? Dia masuk dalam isi orang lain, dia kata dia kuat, dia gunakan badan orang lain. Inilah contoh DAP memainkan politik untuk kepentingan politik mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, saya boleh mengesahkan di dalam kawasan saya, satu kumpulan tarian singa yang dianjurkan oleh DAP....

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Dia tak beri penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya tak beri!

**Tuan Lim Guan Eng:** MCA boneka UMNO.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya tidak sampai hendak mengatakan perkataan 'shut-up' atau 'kurang ajar'. Saya tidak kata!

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Menyampuk)*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, janganlah kata macam itu!

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, saya inginlah menyatakan sebagai contoh yang jelas, satu kumpulan tarian singa dalam kawasan saya, setiap kali Tahun Baru Cina, mereka akan keluar mengutip ataupun pergi ke tiap-tiap rumah orang Cina untuk mengutip wang dan orang-orang Cina terpaksa menghulurkan wang kepada kumpulan tarian singa yang dianjurkan oleh DAP ini dan akhirnya wang itu kita tidak tahu ke mana pergi—tidak lain dan tidak bukan wang ini adalah untuk kepentingan politik mereka sahaja!

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.. ..

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, ini adalah satu sangkaan jahat, sebab tarian China pada perayaan China ataupun.. ..

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, peraturan berapa?

**Tuan Lau Dak Kee:**... 36(6), Tuan Pengerusi. Saya minta dia tarik balik ataupun membetulkan keadaan yang sebenar!

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Peraturan berapa?

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk dahulu ya. Ya, sila duduk dahulu!

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Dia kata. . . . Peraturan berapa? (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk dahulu! Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jangan sebut begitulah jikalau sekiranya ada keterangan atau ada apa-apa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia tak faham!

Tuan Pengerusi: Sudahlah, Kota Melaka, janganlah campur!

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, saya sebut dalam kes kejadian dalam kawasan saya, saya sebut fact—fakta.

**Tuan Peng«rusi:** Yang Berhormat, sudahkah ada fact itu?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Ya,ada!

Tuan Pengerusi Yang Berhormat, kata dia ada fact itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Dia kata dia ada fact... (*Disampuk*) Yang Berhormat, cukuplah itu. (*Disampuk*)

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya sebutkan setiap tahun berlaku, pakai T. Shirt DAP, lambang DAP, gendang dipukul pun lambang DAP, siapa punya lagi? (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah ya. Teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Dia kata dia ada fact, itu terpulang kepada dia, dia bertanggungjawab Yang Berhormat! (*Disampuk*)

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya bertanggungjawab, saya bertanggungjawab!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa setiap Tahun Baru China pasukan tarian singa DAP pergi untuk memaksa mengumpul wang akibat, ekor tarian singa. Saya hendak memberitahu Yang Berhormat SetiausahaParlimen, dia tidak tahu ini adalah satu kebudayaan. Ini memberikan sangkaan jahat!

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bukan berkehendakkan kepada point of order—berpandukan kepada point of order!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sangkaan jahat kerana ini tidak dipaksa, ini diamalkan oleh semua pertubuhan

termasuk MCA. Ini adalah satu kebudayaan Cina untuk memberikan angpau yang dianggap sebagai bertuah. Ini bukan dipaksa terhadap sesiapa! Yang ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tak faham, dia putarbelitkan kebudayaan Cina! (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Melaka, cukuplah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia putar belitkan kebudayaan Cina.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, dia kata dia ada fact. Jikalau sekiranya dia ada fact, itu terpulang kepada dia sama ada dia hendak report kepada Polis atau tidak. Dia faham atau tidak faham, itu lain kira.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Pengerusi, Ahli dari Ipoh telah menimbulkan iaitu soal sekatan—banyak halangan pelancong-pelancong daripada negeri China untuk datang ke Malaysia. Semasa beliau bercucup tadi, nasib baiklah ketua beliau sedar bahawa beliau telah terkelencong daripada peranan beliau sebagai Ahli Dewan Rakyat Malaysia. Nampaknya beliau seolah-olah menjadi Ahli atau wakil dari negeri mana, kita pun tidak tahulah.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara ini, memang terdapat syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. Dari segi Kementerian, kita ada keutamaan-keutamaan dalam menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita. Kita ada keutamaan, satu, kepada negara-negara yang tertentu; keutamaan kedua dan keutamaan ketiga. Buat masa ini, negara China belum lagi berada di dalam senarai keulamaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian/Kerajaan ialah tidak lain dan tidak bukan hanyalah oleh kerana perhubungan kita yang baru sahaja pulih dengan Republik Rakyat China. Ia mestilah tertakluk kepada dasar luar negara dan soal-soal keselamatan yang perlu diberi perhatian pada ketika ini. Insya Allah pada masa-masa yang akan datang, sekiranya perkara-perkara ini dapat diuruskan dan diselcsaikan dengan baik, sudah tentu penggalakan yang lebih akan kita berikan kepada negara China.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Ipoh juga menimbulkan soal kebudayaan tarian singa, tarian naga dan beberapa kebudayaan. Seperti yang saya sebut, kita tidak boleh memaksa. Kebudayaan hendaklah diserapkan secara beransur-ansur dan Ahli dari Ipoh haruslah sedar bahawa di dalam pertunjukan-pertunjukan utama yang diadakan di negara kita ini pun kita masukkan tarian-tarian lain—Tarian Riben, Tarian Kipas, bahkan di kalangan kita sekarang pun budaya makan menggunakan chop stick pun telah banyak berlaku. Semuanya ini mestilah diterapkan secara beransur-ansur, tidak boleh dipaksa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi.

Saya ingat kita semua kena faham hakikat ini, kerana kebudayaan adalah sesuatu yang berubah, ia bukan suatu yang statik. Perubahan ini hendaklah diterapkan secara beransur-ansur, yang boleh diterima oleh norma dan nilai masyarakat di dalam negara kita. Jadi, kita kena faham hakikat ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sibul semalam telah menimbulkan bagaimana cara peruntukan diagih-agihkan kepada negeri-negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, satu peruntukan dilakukan dengan perbincangan dengan pihak pentadbiran negeri. Walau bagaimanapun, dari segi pembangunan fizikal, kawasan-kawasan

produk pelancongan, ianya mestilah dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga pihak-pihak swasta. Kerajaan Pusat hanyalah memperuntukkan kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi destinasi-destinasi pelancongan dari semasa ke semasa tertakluk kepada keadaan kewangan. Perkara utama yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini ialah, pertama sekali memperkenalkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan istimewa di peringkat antarabangsa bagi tujuan mencapai matlamat kita, iaitu untuk meningkatkan kadar pertumbuhan bilangan pelancongan sekurang-kurangnya 10% setahun.

Yang kedua, untuk menggalakkan pelancong-pelancong tinggal lebih lama dan berbelanja lebih sewaktu berada di negara kita.

Yang ketiga, menggalakkan dan mempopularkan aktiviti kebudayaan dan kesenian Malaysia.

Yang keempat, menanam serta menyemai budaya melancong di kalangan rakyat Malaysia untuk melancong di dalam negara kita sendiri.

Itulah program utama galakan pelancongan yang dilaksanakan oleh Kementerian. Mengenai peruntukan-peruntukan bagi kemudahan pembangunan taman-taman negara di Sarawak iaitu Taman Negara Niah, Taman Negara Mulu, Taman Negara Santubong dan Taman Negara Bakoh, dalam Rancangan Malaysia Keenam Kerajaan memperuntukkan \$7 juta bagi projek-projek tersebut.

Bagi projek-projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek itu tidak termasuk di dalam peruntukan yang disediakan. Walau bagaimanapun, adalah penting jika projek-projek ini dapat dilaksanakan oleh pihak swasta ataupun oleh pihak Kerajaan Negeri dan insya Allah, pada masa-masa yang akan datang,

projek-projek yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat akan kita ambil perhatian.

Mengenai program-program pemasaran pelancongan yang dilakukan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang melibatkan negeri Sarawak dalam tahun 1992, pada umumnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui TDC memasarkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan. Di dalam usaha memasarkan Malaysia, negeri Sarawak juga diperkenalkan sebagai sebuah negeri yang menarik untuk dilawati.

Ini termasuk memperkenalkan Malaysia, termasuk Sarawak di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa seperti di Brussels Travel Forum (BTF), International Tourism Fair di Berlin (ITB) dan World Travel Mart (WTM) di London.

Yang kedua, negeri Sarawak juga dipasarkan di luar negeri dengan menerbit serta mengedarkan risalah mengenai negeri Sarawak oleh pihak TDC. Ini dilaksanakan melalui semua pejabat luar negeri TDC dan dicetak di dalam berbagai bahasa seperti bahasa Perancis, Arab, Mandarin, Jepun termasuk di dalam bahasa Inggeris. Negeri Sarawak didedahkan dengan lebih meluas di pasaran luar negeri melalui aktiviti perhubungan awam TDC. Ini dilaksanakan melalui program-program keraian wartawan asing yang dibawa masuk khususnya untuk memberi pendedahan mengenai tempat-tempat menarik di negeri Sarawak. Pada tahun 1992 dicadangkan satu acara untuk mencari harta karun untuk wartawan asing (International Press Treasure Hunt) akan diadakan di Sarawak di mana dijangka seramai 30 orang wartawan asing dari luar negeri akan mengambil bahagian dalam acara ini. Negeri Sarawak juga diperkenalkan melalui pita-pita slide, audio visual, seperti video cassette di luar negeri melalui Pejabat TDC di luar negeri. Dalam

program-program penggalakan pelancongan keluar negeri seperti misi-misi penggalakan dan sales mission, negeri Sarawak diberi pendedahan. Di samping itu, wakil-wakil pelancongan dari negeri Sarawak dijemput untuk lurut serta di dalam usaha memperkenalkan Sarawak sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik.

Mengenai peruntukan disediakan untuk melatih pemandu pelancong, pegawai dan kakitangan perhotelan bagi menaikkan taraf industri perhotelan seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibü, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia sebenarnya telahpun menganjurkan sebanyak tujuh kursus pemandu pelancong di Sarawak. Kursus yang terakhir telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 2hb hingga 19hb Januari, 1991 yang lalu. Sehingga bulan September tahun ini, terdapat seramai 200 orang pemandu pelancong yang berdaftar dari negeri Sarawak. Dari segi peruntukan untuk melatih pemandu pelancong, inginlah lagi saya maklumkan bahawa Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menswastakan pengajuran kursus kepada pihak Persatuan Pelancongan Negeri dan para peserta akan dikenakan bayaran yuran kursus. Buat masa ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia masih memberikan bantuan subsidi kewangan kepada pihak penganjur, tetapi pada tahun-tahun yang akan datang, pengajuran kursus akan dibiayai sendiri oleh pihak penganjur, atau dengan izin, self-financing.

Bagi industri perhotelan pula, kebanyakan aktiviti-aktiviti latihan bagi pegawai dan kakitangan perhotelan dikendalikan sendiri oleh pihak hotel, iaitu secara latihan dalaman, inhouse training, dengan izin.

Tuan Pengerusi, mengenai pembesaran Muzium Sarawak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sibü juga, pentadbiran Muzium Sarawak

adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan negeri Sarawak. Segala perancangan pembangunan adalah dijalankan oleh Muzium Sarawak sendiri. Walau bagaimanapun, Muzium Sarawak semenjak 10 tahun yang lalu telahpun berkembang dengan begitu pesat. Di samping itu juga, telah ditubuhkan Muzium Mini di Sibü dan di Kapit. Pada masa ini Jabatan Muzium tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan Muzium Wax sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, seperti Muzium Madam Tussod di London. Jabatan Muzium memang dalam perancangannya akan menubuhkan beberapa muzium-muzium khas iaitu muzium lain seperti yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam—umpamanya, Muzium Ilmu Kejadian, Muzium Wira dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah ditimbulkan dan sebahagiannya telah dapat saya sebutkan dan yang mana tidak dapat saya sebutkan di dalam jawapan saya ini, telahpun dicatatkan dan akan diambil perhatian untuk tindakan seterusnya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$119,512,700 untuk Maksud B.22; \$8,861,700 untuk Maksud B.23; \$4,589,400 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$119,512,700 untuk Maksud B.22; \$8,861,700 untuk Maksud B.23 dan \$4,589,400 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$44,665,020 untuk Maksud P.22;

\$5,800,000 untuk Maksud P.23 dan \$9,690,010 yang disebutkan untuk Maksud P.24 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$44,665,020 untuk Maksud P.22; \$5,800,000 untuk Maksud B.23; \$9,690,010 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.25 (Jadual)—  
Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan,  
1992)—*

**Tuan Pengeusi:** Kepala Bekalan B.25 dan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Nilam Puri.

4.46 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Pertahanan, B.25, saya ingin menyentuh Butiran 030000 Perkhidmatan Lojistik dan kemudian 00300 dan 00400 di bawah tajuk Tentera Laut DiRaja Malaysia.

Tuan Pengerusi, kita mengalu-alukan perbelanjaan yang begitu agak baik dan banyak dalam Perkhidmatan Lojistik dan juga Tentera Laut untuk tahun 1992. Cuma saya ingin mengetahui setakat mana rundingan yang telah dipersetujui supaya lapak Tentera Laut Malaysia (TLDM) iaitu di Lumut, tempat itu diberi persetujuan supaya Tentera Laut Amerika dapat singgah dan baikpulih kapal-kapal perang mereka di Pengkalan Tentera kita di Lumut, Perak. Kita tahu rakyat Filipina tera Amerika terutama

sekali di Tentera Udara Clark Base dan Tentera Laut Subic Bay. Rakyat Filipina telah buat demonstrasi besar-besaran untuk menentang kehadiran Tentera Amerika dan mereka telah lihat

bagaimana ruginya apabila Tentera-tentera Amerika bertapak di negeri mereka. Dan sekarang kita pula seolah-olah menjemput apa yang dihalau oleh rakyat Filipina itu untuk datang pula ke Malaysia dan kita memberi tempat di Lumut. Majalah-majalah antarabangsa yang membincangkan hal-hal defence dan keselamatan, memang diakui bahawa perundingan telah sampai ke peringkat yang agak tinggi supaya TLOM Lumut dijadikan tempat untuk Amerika bertapak di rantau ini.

Jadi, kita ingin penjelasan sebab apabila Tentera Amerika bertapak, mereka hanya bukan bertapak dari segi baikpulih dan juga penggunaan kapal perang mereka melintasi laut kita secara bebas, bahkan mereka juga akan melibatkan diri dalam politik. Misalnya, agen-agen CIA akan mempengaruhi untuk menaikkan pemimpin-pemimpin mana yang mereka mahu seperti yang berlaku di dunia lain di mana tempat mereka bertapak begitu kuat. Kita lihat tempat Amerika bertapak, mereka akan cuba menaikkan pemimpin yang mereka mahu seperti yang berlaku di negara-negara Arab dan juga di negara-negara Amerika Tengah dan bahaya ini kita menempahnya sekarang dengan menjemput mereka datang kemari.

Kemudian kita lihat mereka sedang memohon untuk Tentera Udara juga, kalau boleh. Mereka mendapat tempat setelah Singapura memberi persetujuan kepada mereka segala kelengkapan pendaratan dan baikpulih kapal-kapal terbang mereka di Republik Singapura. Malaysia juga mereka memohon setelah kita mendapat khabar bahawa pihak Tentera Laut ataupun pihak Kememerialan Pertahanan telah bersetuju untuk menjadikan pusat Lumut kita sebagai tempat mereka bertapak.

Kami daripada PAS menentang keras usaha kehadiran Amerika Syarikat ini sebab bagi Amerika, terutama sekali dalam mencipta the New World Order ini mereka ternyata sekali amat kuat anti

dunia ketiga, terutama sekali dunia Islam. Mereka menaruh dendam yang begitu kuat terutama sekali dalam mereka mempertahankan Israel di tengah-tengah dunia Arab dan juga mereka begitu anti bila melihat mana-mana negara umat Islam yang mampu mencipta kekuatan seperti yang berlaku di Iraq dan sebagainya.

Begitu juga bila mereka bertapak di sini, maka sudah tentulah yang sekarang ini kita lihat politik negara ini ditentukan oleh rakyat negara ini, jadi kita bimbang satu hari agen-agen CIA akan memainkan peranan menaikkan orang yang mereka mahu sama ada di pihak Parti Pembangkang ataupun di pihak Parti Pemerintah. Parti Pembangkang juga menjadi sasaran mereka, sebab mereka mahu Pembangkang yang lunak dengan Amerika.

Kita lihat juga apa yang berlaku, misalnya negeri yang Amerika bertapak selalunya akan menimbul kemarahan rakyat dan mereka akan bangun menentang seperti yang berlaku di Iran, Filipina, Vietnam dan sebagainya.

Saya hendak menyentuh masalah logistik dan juga ketenteraan kita. Kita masih lagi ada sedikit tegang dalam damai dengan Republic Singapore, hendak kata damai pun tegang, hendak kata tegang pun damai. Tegang dalam damai ini sentiasa berlaku terutama sekali sikap Republik Singapura yang selalu cemburu terhadap latihan-latihan tentera yang dijalankan oleh Malaysia bersama dengan Republik Indonesia.

Dan dalam majalah ini, Majalah Far Eastern Economic Review yang tajuknya "Emerging of Tycoon" oleh Ananda Krishnan, dalam tajuk majalah ini diceritakan bahawa tentera Singapura memang masih lagi ragu kepada Malaysia. Bila ditanya kepada mereka, kenapa mereka tidak mengambil orang-orang selain daripada orang China dan India menjadi anggota tentera di pangkat tinggi?

Jawapan pihak Kementerian Pertahanan Singapura iaitu mereka bimbang bahawa orang-orang Melayu kalau menjadi tentera berada di pangkat tinggi, bila berlaku sesuatu peperangan atau ketegangan dengan Malaysia ataupun Indonesia ketaatan orang-orang Melayu diragui. Oleh itu mereka menolak kritikan-kritikan antarabangsa supaya tentera Singapura dilengkapi ataupun dianggoti oleh semua bangsa, mereka mengatakan mereka masih ragu terhadap Malaysia dan juga terhadap Indonesia.

Soalnya persahabatan di peringkat ASEAN telah berjalan begitu panjang, kenapa pemimpin-pemimpin Singapura tidak dapat diconvince untuk mengatakan bahawa Malaysia tidak ada niat untuk menyerang Singapura ataupun sebaliknya? Begitulah juga apabila berlaku latihan Tentera Laut kita dekat dengan Johor Bahru baru-baru ini antara Malaysia dan Indonesia, akhbar-akhbar Singapura milik Kerajaan mengkritik begitu hebat tentang latihan itu, sedangkan kita di sini, rakyat kita apabila berlaku satu pencerobohan yang dilakukan oleh Tentera Singapura di laut atau di darat, kita tidak bertindak sekasar yang dibuat oleh akhbar-akhbar ataupun rakyat Singapura. Dan kita harap dialog di peringkat ASEAN ini diperkuatkan lagi supaya curiga itu tidak berlaku, sebab kita bimbang kalau berlaku sebarang pergaduhan atau perkara yang tidak diingini di mana-mana negara ia bersangkutan-paut dengan negara yang lain.

Kita harap juga curiga itu tidak berlaku dan kita mahu Singapura dengan kita menjadi satu sahabat yang baik, dengan syarat Kerajaan kita mesti ada pendirian-pendirian yang tertentu terutama sekali kita lihat dalam keadaan mereka gerun, ataupun sebaliknya mereka menjadikan alasan yang tidak mengambil bangsa Melayu berada dalam tentera Singapura kerana curiga terhadap Malaysia. Pada masa yang sama mereka menambahkan curiga kita apabila

mereka membina pengkalan-pengkalan tentera mereka seperti pendaratan helikopter di Pulau Batu Putih, membina rumah api dan sebagainya, dan pihak Tentera Laut kita atau Tentera Udara kita tidak berbuat sesuatu.

Kita harap di Pulau Batu Putih yang sah kepunyaan kita itu, pihak Kerajaan Malaysia, khasnya Kementerian Pertahanan hendaklah membina pusat Tentera Laut kita di situ, dan juga pusat pendaratan helikopter kita.

Kita janganlah rasa bertolak-ansur dalam masalah sempadan negeri, sebab sekarang ini hendak mendapatkan sesuatu negeri rakyat terpaksa bertumpah darah begitu dahsyat, tetapi Negeri kita sekarang begitu mudah diambil oleh orang lain seperi Pulau Batu Putih dan sebagainya. Walaupun diberitahu bahawa masih lagi di peringkat rundingan, tetapi kami daripada PAS amat bimbang sebab negeri kita ini diambil satu demi satu.

Kita juga merasa bimbang terutama sekali kehadiran Amerika di rantau ini yang tersemat dalam jiwa mereka anti Islam begitu kuat, barangkali mereka telah menjanjikan perlindungan kepada mana-mana republik yang kecil untuk mereka bertindak sesuatu dan kita memberi ingatan kita mesti bertindak awal. Kalau tidak, maka negeri kita akan ditelan satu demi satu. Sekian, pandangan saya.

**Tuan Pengerusi: Lumut.**

*5.07 ptg.*

**Datin Ling Chooi Sieng (Lumut):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 126 di bawah Butiran 00400, tajuknya Kelengkapan.

Tuan Pengerusi, saya kerap kali dapat peluang untuk menghadiri jamuan-jamuan TLDM di Lumut, kebanyakan jamuan-jamuan tersebut diadakan di dalam Dewan TLDM. Tabik Hormat

oleh Pegawai-pegawai Kadet juga diadakan di dalam Dewan tersebut dan dihadiri oleh Yang Teramat Mulia Sultan Negeri-negeri untuk menyampaikan sijil kepada mereka. Parajemputan selalunya berpakaian seragam.

Tentera Laut kita menjalankan tugas yang baik, mempertahankan perairan negara kita. Mereka menggunakan Dewan tersebut untuk pelbagai jamuan dan pertunjukkan. Sekurang-kurangnya kita harus dapat menyenangkan keadaan mereka. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian dapat melengkapkan Dewan tersebut dengan hawa dingin.

Saya difahamkan kos kelengkapan air-conditioner, dengan izin, ialah \$100,000 dan jika dibandingkan dengan jumlah peruntukan ia merupakan 0.02% anggaran peruntukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi: Kepong.**

*5.08 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 01000 mengenai Perkhidmatan Logistik dan 03000.

Saya hendak bangkitkan di sini, Tuan Pengerusi, oleh kerana di dalam Belanjawan tahun hadapan didapati bahawa jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Pertahanan adalah \$1.5 bilion. Jika ia dibandingkan dengan jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Pendidikan \$1.25 bilion, adalah jelas menunjukkan Perbelanjaan Pembangunan untuk Kementerian Pertahanan lebih daripada Kementerian Pendidikan. Ini merupakan satu peruntukan yang sangat besar.

Saya tidak tahu sama ada pihak Kerajaan telah membuat satu kajian semula yang komprehensif untuk menentukan, untuk memastikan keperluan pertahanan di Malaysia sebagai

satu negara yang mempunyai Armed Forces yang competence in fire power and ability, dengan izin, Tuan Pengerusi, yang mempunyai kualiti dan latihan peperangan yang cukup serta keberkesanan ketenteraan, efficiency ketenteraan dan alat-alat dan kelengkapan.

Walau bagaimanapun saya nampak Tuan Pengerusi, semasa pihak Malaysia menambahkan peruntukan untuk pertahanan, pihak Amerika Syarikat sedang mengurangkan perbelanjaan untuk pertahanan, kerana scenario yang baru di dalam dunia sekarang, Amerika Syarikat bercadang untuk menyiapkan option-option untuk mengurangkan perbelanjaan tentera \$135 bilion di dalam tempoh lima tahun. Ini satu angka yang besar.

Misalan, pihak Amerika Syarikat bercadang untuk mengurangkan division Tentera yang aktif daripada 18 kepada 10 ataupun 12 division pada tahun 1995. Dengan strategi baru Amerika itu untuk mengkaji semula keperluan Tenteranya yang merupakan Tentera yang terbesar di dunia sekarang yang terkuat, apakah strategi pihak Kerajaan Malaysia? Adakah Kerajaan sanggup mengkaji semula, membuat kajian semula yang comprehensive untuk memastikan keperluan pihak Malaysia setaraf ataupun sejajar dengan apa yang berlaku, secocok dengan apa yang berlaku di dunia sekarang. Kalau Amerika sanggup mengurangkan, apakah pihak Malaysia sanggup menambahkan perbelanjaan pertahanan?

Saya berharap pihak Kementerian dapat mempertimbangkan cadangan saya supaya janganlah kita menggunakan terlalu banyak wang untuk pertahanan walhal wang ini boleh digunakan untuk pendidikan yang bagi pihak saya adalah lebih penting. Saya bersetuju kita mesti adakan Tentera yang mempunyai kualiti dan latihan peperangan yang cukup sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan di dalam ucapannya

untuk mengadakan Tentera yang lebih lengkap dan lebih bersedia bagi menghadapi cabaran. Misalnya, Yang Berhormat Menteri Pertahanan pernah mengatakan, "The Ministry is always sensitive to the manpower material and infrastructural need of the Armed Forces so that their level of readiness remains high".

Memang saya setuju. Lagi pun saya pernah berada di dalam Tentera juga. Saya setuju kita mesti sentiasa berwaspada, walaupun saya berada dahulu di dalam Kor Perubatan dan Pergigian. Tidak seperti Padang Terap, tidak pernah ada pun, dia hendak soal lagi. Apa gunanya? (*Ketawa*) Nampaknya Arau pun tidak pernah....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya bekas Second Lieutenant tahu! (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang kita setuju, kita hendak ada latihan, ada persiapan, kita mesti ada simulators yang cukup untuk pertahanan, untuk melatih Tentera kita supaya kita dapat mempertahankan diri di dalam dunia hadapan. Walau bagaimanapun, cadangan saya ialah kita hendaklah melihat apa yang berlaku di dunia sekitarnya dengan Amerika mengurangkan sehingga \$135 bilion dalam tempoh 5 tahun. Ini satu pengurangan yang sangat besar. Mengapa kita tidak boleh mengkaji semula walhal Amerika sebagai kuasa yang terbesar di dunia boleh?

Tuan Pengerusi, mengenai lojistik lagi, saya nampak pihak Kerajaan telah memperbadankan Lumut Dockyard dengan satu anggaran \$650 juta. Itu betulkah?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** \$650 juta dibelanja untuk Lumut Dockyard dan dengan pelaburan yang begitu besar, maka saya nampak satu usaha untuk

mendapatkan facility memperbaiki kapal-kapal besar, kapal-kapal perang Amerika Syarikat yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri tadi.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pertahanan menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, setakat manakah rundingan ataupun persetujuan yang dibuat oleh pihak Kementerian dengan pihak Amerika Syarikat untuk mengadakan facility sama ada ship by ship ataupun cara yang lain untuk memperbaiki kapal-kapal perang besar Amerika Syarikat selain dari Landing Ship Tanks (LTS). Setakat ini di Lumut kerana air yang tohor, yang cetek dan kapal perang besar tidak boleh masuk ke Lumut, hanya LST boleh, dan saya nampak ada satu cadangan untuk memperdalamkan laut di sekitar Lumut supaya kapal-kapal perang besar Amerika Syarikat dapat masuk untuk diperbaiki "for repair and fitting".

(Timbalan yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Adakah ini benar, Tuan Pengerusi?

Pada hujung bulan Oktober tahun ini, Pacific Commander-in-Chief of the US Naval Force, Admiral Charles Larson lelah membuai lawatan dua hari ke Malaysia. Adakah benar beliau membuat rundingan dengan pihak Kementerian untuk menggunakan kemudahan-kemudahan di Lumut semasa lawatannya? Dewan yang mulia ini memang hendak tahu kerana ini satu perkembangan yang baru. Pihak Filipina memang hilangkan satu unsur, satu sumber kewangan....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kota Selar bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, on a point of order—35(1). Bila dia berucap, dia tengok ke sini. (*Ketawa*) Dia kena tengok Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat sila berpaling kepada Kerusi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya memang tengok, Tuan Pengerusi. Memang itu satu amalan biasa sayalah untuk tengok ke sini. Kalau Kota Setar, dia serong sedikit, memang dia tidak tahu.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai Butiran 00200 Kelengkapan Tentera Darat. Saya hendak bertanya di sini mengenai Depoh Peluru di Masjid Tanah, Melaka kerana 75 setor yang kurang sempurna itu, khabarnya pihak Kementerian sudahpun membuat keputusan untuk memperuntukkan \$30 juta bagi memperbaiki 35 setor yang kurang sempurna ini di Masjid Tanah. Adakah ini benar? Kalau ada, bilakah tender akan diadakan untuk melantik kontraktor supaya kerja ini dapat dijalankan? Ini satu pembaziran. Adakah benar \$30 juta diperuntukkan daripada wang pembangunan \$1.5 bilion untuk tahun hadapan?

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana pernah pihak kami membangkitkan hal Depoh Peluru di Masjid Tanah kerana ada perbuatan yang tidak betul. Wang \$73 juta telah diperuntukkan untuk Depoh tersebut tetapi malangnya tidak boleh disiap dan dibina dengan sempurna sehingga hari ini dan sayapun nampak Depoh di Kluang, Johor pun akan diperbaiki. Ini pun memerlukan peruntukan yang baru. Ini merupakan satu amalan yang boros yang membazirkan wang rakyat.

Saya berharap perkara seperti ini, dengan strategi baru, perlu dikaji semula. Peruntukan dan penggunaan wang untuk pertahanan perlu dikaji semula. Dengan amalan yang baru, sikap

yang baru, kita boleh elakkan pemborosan dan pembaziran seperti ini yang merupakan satu penyelewengan yang sepatutnya tidak berlaku di Malaysia.

Tuan Pengerusi, mengenai kelengkapan lagi. Saya nampak pihak Sweden telah menawarkan navigation system yang dikatakan sangat baik untuk Malaysia kerana sistem di Malaysia dan Sweden itu serupa. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mendapat sistem-sistem yang ada di Sweden bagi dilengkapi supaya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) atau Royal Malaysian Navy dapat satu navigation system yang sempurna.

Di sini saya nampaknya sejak satu skandal yang berlaku kerana speedboat daripada Sweden ini, memang ada niat lagi bagi pihak Kerajaan untuk berhubung, untuk membeli alat-alat yang canggih daripada Sweden. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak Kerajaan dapat menerangkan sama ada ada satu intention untuk memperolehi sistem yang canggih ini daripada Sweden.

Ada satu lagi mengenai kelengkapan Tentera Udara, Butiran 00600. Di sini kita pun tahu satu dasar aviation dari Pranchis memang mempunyai kapal pejuang yang baik seperti Mirage yang terbaharunya "Multi-Role Mirage 2005" yang paling canggih. Adakah benar pihak Dasar Aviation South East Asia sedang berunding dengan Airod untuk menjadikan Airod sebagai satu rakan perkongsian untuk menjadikannya sebagai satu pusat penyelenggaraan (maintenance centre) di Malaysia untuk kapal terbang pejuang yang terbaharu ini. Kalau benar, saya berharap pihak Yang Berhormat dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya kita sama-sama dapat tahu bagaimana kita berjaya untuk berkongsi dengan Dasar Aviation yang merupakan satu syarikat kapal terbang tentera yang besar di dunia.

Masa ada banyak lagi, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung. Masa tidak mengizinkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya. Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya nampak Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah membuat banyak kenyataan mengenai LIMA 1991 di Langkawi. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Langkawi akan dimajukan sebagai pengkalan for selected aerospace industry and maritime facilities dan nampaknya satu keping tanah yang luasnya 121 hektar telahpun diambilalih untuk tujuan tersebut bagi mengadakan kemudahan-kemudahan aerospace dan maritime di Langkawi. Adakah ini kena mengena dengan pihak Kementerian Pertahanan?

Nampaknya ini satu usaha yang baru yang akan dibuat di Langkawi dan kalau usaha ini akan diteruskan, adakah satu kajian kemungkinan dibuat untuk memaslikan sama ada kawasan yang ditetapkan sebagai Lapangan terbang Langkawi itu sesuai untuk maksud tersebut, kerana usaha-usaha tentera ini memang menelan belanja yang besar dan kalau Malaysia boleh menjadikan aerospace and maritime facilities yang terkemuka di Asia Tenggara, memang saya alu-alukan kalau kita boleh buat usaha seperti itu.

Walaupun bagaimanapun apakah perbelanjaan yang diperlukan untuk mengadakan satu pusat aerospace and maritime yang begitu moden, yang begitu canggih bagi kawasan ini, kerana memang kita mempunyai wang yang terhad untuk berbuat demikian. Adakah usaha ini akan diswastakan dan berkongsi dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang lain untuk memajukannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Jelebu.

5.25 ptg.

**Lt. Kol.(B) Ibrahim bin Sareh** (Jelebu); Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 02000 iaitu Program Perkhidmatan Tentera dan Butiran 04000 iaitu Program Latihan.

Dalam Program Perkhidmatan Tentera, saya ingin menyentuh tentang Tentera Simpanan. Kita sedia maklum bahawa di dalam rangka bentuk dan saiz sesebuah Angkatan Tentera terdapat dua komponen yang penting, iaitu komponen Tentera Tetap dan Tentera Simpanan. Kita semua mengakui bahawa dalam jangka masa yang panjang, bagi Malaysia khususnya adalah lebih wajar, lebih sesuai dan lebih murah bagi kita untuk membiayai Pasukan Tentera Tetap yang kecil dan Tentera Simpanan yang lebih besar.

Saya menyedari bahawa Angkatan Tentera Malaysia sememangnya mempunyai dasar ke arah ini dan saya memahami bahawa struktur organisasi Tentera Simpanan Angkatan Tentera Malaysia adalah lengkap, baik dan sesuai bagi merealisasikan hakikat untuk mewujudkan satu Pasukan Tentera Simpanan yang mantap. Tetapi saya rasa terdapat kepincangan dari pelaksanaan untuk mewujudkan, ataupun untuk mengisi struktur organisasi ini.

Pada awal tahun 80an, saya masih ingat lagi bahawa angka perancangan bagi Pasukan Simpanan ialah mengikut nisbah 3:1 iaitu tiap-tiap satu anggota tetap akan dirancangan supaya diwujudkan 3 anggota simpanan. Kalau kekuatan angkatan tentera kita adalah 100,000 maka pertulah diwujudkan sejumlah 300,000 anggota simpanan. Tetapi baru-baru ini angka perancangan ini telah dikaji semula dan dikurangkan kepada nisbah 1:1. Saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, apakah nisbah yang sebenarnya yang dirancangan bagi kekuatan jumlah Tentera Simpanan dalam Angkatan Tentera Malaysia. Adakah nisbah 1:1, 1:2 ataupun 1:3?

Dari segi perlaksanaannya pada masa ini, mengikut kenyataan-kenyataan yang dibuat, kekuatan Tentera Simpanan hanya mencapai tidak lebih daripada 25,000 anggota dan kalau mengikut nisbah 1: 1, pencapaian ini tidak melebihi 25% daripada apa yang dirancangan. Saya rasa Kementerian haruslah memberi perhatian tentang perkara ini, kerana dari segi strategi, menyediakan pasukan simpanan yang lengkap, yang terlatih adalah amat penting kepada pertahanan negara.

Saya ingin tahu sama ada Kementerian Pertahanan sudahkah menjalankan kajian? Apakah sebabnya kurang sambutan daripada rakyat Malaysia untuk menyertai Tentera Simpanan? Pada masa ini umpamanya, saya tidak lihat sebarang usaha untuk menyebarkan maklumat-maklumat ataupun promosi pengiklanan meminta rakyat menyertai pasukan simpanan. Kalau adapun rakyat yang hendak ataupun berniat untuk menyertai Tentera Simpanan, mereka mungkin tidak tahu bagaimanakah untuk menyertai pasukan itu kerana dalam Angkatan Tentera banyak cabang. Dalam Tentera Darat sahaja terdapat beberapa cabang, beberapa perkhidmatan dan ini akan menyulitkan bagaimanakah sukarelawan-sukarelawan yang ingin menyertai tentera simpanan untuk menyertai pasukan tersebut.

Saya juga berpendapat bahawa besar kemungkinan keengganan rakyat untuk menyertai Pasukan Simpanan ini ialah kerana elaun yang begitu kecil. Pada masa ini, saya rasa elaun latihan mengikut kadar \$1.70 satu jam adalah terlalu rendah. Saya harap kadar ini yang telah ditetapkan dalam tahun 1960an dapat dipertingkatkan dan kalau Kementerian membuat kajian tentang elaun latihan ini, cadangan saya ialah supaya penyertaan rakyat di dalam Pasukan Simpanan ini hendaklah tidak mendatangkan kerugian dari segi pendapatan harian kerana apabila seseorang anggota Tentera Simpanan datang menjalankan

latihan umpamanya dua jam dalam sehari, ini bermakna dia terpaksa meninggalkan kerjanya mungkin satu hari ataupun mungkin setengah hari. Kalau dia dapat \$1.70 sen satu jam dan berlatih selama dua jam dalam sehari, dia akan kerugian dari segi pendapatan kerana kadar elaun latihan adalah terlalu rendah.

Saya juga berharap Kementerian Pertahanan dapat memberitahu tentang keberkesanan ataupun sambutan para pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi dalam Pasukan PELAPIS. Saya juga berharap mendapat tahu berapa ramaikah setakat ini pegawai-pegawai ataupun anggota Pasukan PELAPIS yang telah tamat latihan ketenteraan melalui Program PELAPIS ini dan yang lebih penting lagi ialah sama ada pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajiannya terus melibatkan diri, atau menceburkan diri dalam Angkatan Tentera sama ada menyertai Pasukan Tetap, ataupun apabila bekerja, baik di dalam Kerajaan ataupun dengan swasta, adakah mereka terus menyertai Pasukan Simpanan? Adakah mereka ini apabila sudah tamat pengajian tinggi dan setelah tamat latihan tentera dalam PELAPIS, tidak langsung mengambil endah dan lidak menyertai Pasukan Simpanan dan tak dapat dikesan oleh Kementerian Pertahanan?

Satu perkara lagi yang saya ingin menyatakan ialah bahawa mengikut pengetahuan dan pengalaman saya, apabila merancang kekuatan ataupun struktur Pasukan Tentera Simpanan ini, selalunya keperluan logistik tidak dirancangan bersama. Keadaan ini tidak akan mencapai matlamat dalam mana kita memerlukan khidmat Tentera Simpanan apabila kita kehendaki. Tidak berguna kita mempunyai jumlah anggota Pasukan Tentera Simpanan yang ramai tetapi tidak mempunyai bantuan logistik yang lengkap seperti senjata, alat kelengkapan termasuk kenderaan, alat-alat radio dan lain-lain keperluan dan juga bantuan logistik yang diperlukan

untuk melatih anggota-anggota Pasukan Simpanan ini.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan tentang rancangan Kementerian untuk menambahkan lagi bilangan anggota Pasukan Simpanan dan apakah sasaran ataupun target pada tahun hadapan dari segi menambahkan anggota Pasukan Simpanan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah berkenaan dengan Butiran 040000 Latihan. Kita bersyukur kerana Malaysia pada masa ini adalah dalam keadaan aman, PKM telah meletakkan senjata dan begitu juga keadaan di Sarawak. Sudah tentu Angkatan Tentera Malaysia menyambut baik keadaan begini kerana dengan keamanan tersebut, maka Angkatan Tentera Malaysia, khususnya Tentera Darat, dapat melaksanakan latihan dengan lebih gigih, tcrutamanya dalam bidang peperangan konvensional. Sesungguhnya, tugas utama Angkatan Tentera, ialah menjalankan latihan dan di mana-mana Angkatan Tentera, semasa aman, latihan adalah menjadi perkara yang pertama dan yang utama dan tiada yang lebih penting daripada latihan dan seluruh tumpuan Angkatan Tentera hendaklah kepada latihan. Sebarang aktiviti yang tidak berkaitan dengan latihan yang dijalankan yang mungkin menjejaskan Angkatan Tentera hendaklah diketepikan.

Dalam ha! ini, saya ingin tahu dahpada Yang Berhormat Menteri, apakah rancangan latihan bagi tahun 1992, khususnya dari segi peringkat latihan yang sedang dijalankan oleh Angkatan Tentera. Umpamanya bagi Tentera Darat, adakah latihan pada tahun hadapan dilaksanakan di peringkat lebih tinggi daripada pasukan batalion umpamanya, ataupun bagaimanakah putaran ataupun cycle latihan yang sedang berlaku dalam Angkatan Tentera sekarang. Bagaimanakah program latihan dari segi latihan gabungan dengan negara-negara asing dan latihan

bersama antara tiga perkhidmatan? Kalau latihan-latihan ini tidak dilaksanakan pada tahun hadapan, umpamanya latihan tiga khidmat ataupun latihan bersama yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan, bilakah agaknya latihan itu akan dilaksanakan?

Saya juga ingin menyentuh tentang latihan bagi pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi, khususnya di peringkat Pemerintah Briged, kerana mengikut pengalaman saya, latihan bagi pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi ini selalu dilupakan. Walhal kita sentiasa menyedari bahawa adalah amat penting mereka ini menjalankan latihan. Saya menyedari bahawa untuk melaksanakan latihan di peringkat Briged ataupun lebih tinggi daripada itu dengan menggunakan troops akan memerlukan belanja yang tinggi. Tetapi ada cara-cara di mana latihan, khususnya bagi pegawai-pegawai kanan ini boleh dilaksanakan dengan tidak menggunakan troop, ataupun menggunakan anggota pasukan. Umpamanya, terdapat latihan seperti Latihan 'Command Post', latihan yang dilakukan secara war game ataupun olah-perang yang dibantu oleh komputer dan sebagainya. Dan saya ingin tahu sama ada kaedah-kaedah ini dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan, khususnya bagi melatih ataupun mengulangkaji pegawai-pegawai tinggi yang amat penting dapat dilatih, kerana kita tahu bahawa dalam pengalaman peperangan biasanya keputusan-keputusan yang tidak betul, yang dibual oleh pegawai-pegawai tinggi telah menyebabkan bencana kepada pasukan-pasukan tentera.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh:** Jadi, saya rasa dua perkara ini iaitu Tentera Simpanan dan Latihan adalah dua perkara yang begitu penting bagi pertahanan kita. Saya harap kedua-dua perkara ini akan dapat diberi perhalian dan dapat dipertingkatkan, khususnya

dari segi meningkatkan lagi jumlah Tentera Simpanan dalam anggota tentera kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Padang Terap.

*5.42 ptg.*

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Saya merujuk kepada Butiran 010000 di bawah Program Pentadbiran Pertahanan.

Saya ingin membangkitkan soal tuntutan kita ke atas bahagian daripada Pulau-pulau Spratly iaitu yang pada masa ini yang mana kita mempunyai "out-post" di satu pulau kecil yang dipanggil Terumbu Layang-layang.

Sebagaimana yang Tuan Pengerusi sedia maklum, baru-baru ini ada bantahan-bantahan daripada negara-negara jiran yang sama-sama menuntut sebahagian daripada Pulau-pulau Spratly ke atas usaha kita mahu wujudkan padang pendaratan pesawat terbang. Saya ingin lahu apakah dasar Kerajaan dan apakah strategi Kerajaan di dalam hal ini, kerana pada masa ini kita dapati selain daripada negara kita, negara Vietnam, Republik Rakyat Cina, Philippines malah Taiwan sekali pun menuntut sebahagian daripada pulau-pulau ini dan tuntutan ini adalah bukan sahaja berasaskan kepada strategi tetapi malah tuntutan-tuntutan ini adalah disebabkan oleh tarikan-tarikan kekayaan dan kelabahan yang akan dibawa oleh sumber minyak yang dikatakan banyak di kawasan itu.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, apakah tindakan-lindakan selanjutnya yang perlu diambil kerana jikalau kita hendak menuntut sebahagian daripada Pulau-pulau Spratly ini perlu kita mengadakan satu tindakan yang lebih tegas, yang lebih serius, kerana setakat ini kita hanya menduduki satu pulau yang hanya dua ekar besarnya sahaja. Itu pun kalau air surut, kalau air

pasang mungkin ia tinggal satu ekar, kemungkinan.

Jadi, saya menyerulah kalau kita hendak serius dalam hal ini, sepatutnya kita menduduki dua tiga lagi pulau yang besar, kerana kalau ada persengketaan atau konflik di situ, saya fikir di antara tentera-tentera lima negara ini, saya fikir tentera kita akan lenyap dahulu dengan hanya satu missile, satu bom sahaja, habis satu ekar. Pada hal, saya difahamkan bahawa tentera-tentera Philippines, China dan juga Vietnam menduduki kawasan yang lebih besar. Jadi, kila harap itu tidak berlaku, satu fizikal konflik tidak berlaku. Walaupun kita mengharapkan diplomasi akan menjadi instrument ataupun alat kita menyelesaikan tuntutan ini tetapi kita tidak boleh mengabaikan strategi dan kehendak-kehendak ketenteraan yang lebih realistik.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000 Perkhidmatan Tentera. Saya ingin menyarankan di sini sekali lagi betapa pentingnya anggota-anggota tentera kita diberi sokongan sosio-ekonomi yang cukup. Misalannya, perumahan tentera masih lagi diperlukan oleh anggota-anggota tentera, khususnya anggota yang berpangkat rendah. Kita dapati ramai tentera-tentera yang ditempatkan di base-base seperti di Kepala Batas, Alor Setar, masih lagi terpaksa menyewa rumah-rumah kampung yang tidak cukup asas—basic needs ataupun basic infrastrukturnya, dengan izin, Tuan Pengerusi. Dan kita harap pihak tentera alaupun pihak Kementerian Pertahanan dapat memikirkan hal ini dan mohon banyak lagi peruntukan untuk diselesaikan hidup anggota-anggota tentera kita, khususnya di peringkat berpangkat rendah. Kerana sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa sumbangan mereka adalah besar kepada negara di dalam menentukan kestabilan negara untuk seterusnya kita bangunkan pembangunan ekonomi negara kita.

Yang kedua, dalam hal pembantuan sosio-ekonomi kepada tentera kita ialah mengenai pendidikan anak-anak tentera. Baru-baru ini kita dengar bahawa pihak polis telah mengambil satu langkah lagi ke arah kemajuan pendidikan anak-anak mereka. Pihak polis dengan MARA mengadakan satu MRSM-MARA-Polis yang mana anak-anak polis yang mempunyai kelulusan agak baik dikumpulkan pada satu tempat dan diberi satu program pengajian menengah yang cukup dan yang mantap. Ini adalah satu lagi pendekatan yang dibuat oleh pihak polis. Mengapa tidak, pihak tentera pun berbuat begini? Pada hal bilangan tentera dan bilangan anak-anaknya adalah lebih besar daripada bilangan anak-anak polis.

Saya harap ini dapat diambil perhatian oleh pihak Kementerian supaya anak-anak anggota tentera kita akan dapat sama-sama menikmati kemajuan negara. Kerana tujuan saya membangkitkan hal ini, ialah kebanyakan anak-anak anggota-anggota tentera kita menjadi mangsa perpindahan. Kebanyakan mereka tercicir kerana bapanya terpaksa pindah-randah ataupun bapanya masuk ke hutan berbulan-bulan tidak dapat kasih-sayang dan pimpinan bapanya. Jikalau diadakan kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi, sepertimana pihak polis MARA joint venture tadi, mungkin kita dapat mengurangkan masalah sosial di kalangan anak-anak tentera ini.

Perkara yang ketiga, ialah Butiran 040000 di bawah Latihan yang mana banyak diperuntukkan \$204,582,000 untuk tahun hadapan. Kita selalu terbaca dan paling akhir kita membaca mengenai apa yang terjadi kepada anggota-anggota komando yang telah bersara. Baru kelmarin kita membaca mengenai anggota komando yang lari keluar daripada Penjara Kajang dan selalu kita terbaca mengenai jenayah-jenayah yang melibatkan violence, Tuan Pengerusi. Kebanyakannya adalah melibatkan anggota-anggota komando—bekas anggota komando.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa apabila tentera menciptakan komando, seorang komando—kita telah menciptakan seorang manusia yang mempunyai kemahiran dari segi hidup, dari segi mempertahankan diri, dari segi menyerang dan juga yang paling kita mewujudkan seorang manusia yang mempunyai satu "psyche" ataupun satu komponen psikologi jiwanya yang berlainan dengan manusia lain. Jadi Jiwa ini ataupun kemahiran ini sesuai di dalam keadaan ketenteraan dan apa....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat dari Padang Terap tahu atau sedar bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini rekrut-rekrut tentera sangat lemah dari segi daya tahan, sikap positif dan semangat. Itu sangat kurang dan telahpun diakui oleh Pemangku Ketua Turus Angkatan Tentera, Leftenan Jeneral Dato' Dr Osman Harun. Beliau sendiri mengakui bahawa di dalam beberapa tahun kebelakangan ini daya tahan, sikap positif dan semangat sangat kurang. Mungkin sebab itulah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi boleh berlaku.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, walaupun soalan itu tak masuk tetapi saya hendak jawab. Itu terletak kepada apa yang dikatakan oleh Mejar Jeneral tadilah. Apa yang saya hendak sebut tadi soal komando ini apabila dijadikan seseorang itu komando, psikologinya adalah berlainan, kemahirannya adalah berlainan, persepsinya adalah berlainan dan kita mencipta komando itu untuk hidup di dalam keadaan task environment

ataupun environment kerja ketenteraan. Tetapi apabila beliau dipcersarakan dan memasuki kehidupan sivil, model personality itu tidak lagi sesuai di dalam keadaan sivil. Jadi berlakulah jenayah yang melibatkan mereka, berlakulah masalah penyakit sosial.

Soal ketahanan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu mungkin menyumbangkan kepada hakikat ini. Tetapi apa yang saya hendak tekankan ialah apabila anggota-anggota komando itu hendak dipersarakan, sepatutnya satu kursus ataupun satu latihan untuk deprogramming, patut diadakan ataupun dia disalurkan kepada satu bidang kerja yang mana jiwanya, kemahirannya adalah sesuai dengan apa yang kita wujudkan di dalam ketenteraan.

Saya tidak tahu adakah penglibatan bekas-bekas anggota komando di dalam jenayah-jenayah yang violence ini adalah satu faktor yang significant tetapi saya menyeru kepada pihak tentera di dalam bahagian Penyelidikan dan Kemajuan iaitu Butiran 050000 supaya membuat satu kajian apakah hipotesis yang saya utarakan tadi itu betul. Apa yang saya utarakan ialah disebabkan kita telah mewujudkan satu rupa bentuk manusia yang tidak sesuai dengan kehidupan di dalam kehidupan sivil, kehidupan biasa. Beliau sesuai di dalam kehidupan askar.

Jadi, saya mengetahui dan saya ada membaca dan juga ada berbincang dengan ramai anggota-anggota komando, budak-budak kampung saya, mereka ini mempunyai satu kedudukan yang tidak tetap ataupun yang unstable dari segi mentalitinya. Dia selalu kalau keadaan sekelilingnya mengancam, dia akan menjadi violence dan saya diberitahu bahawa banyak anggota-anggota tentera kita yang berhenti daripada pasukan komando, yang telah keluar menjadi askar-askar upahan dan dilatih lagi di dalam bidang komando yang lebih mencabar dan lebih canggih,

pulang ke Malaysia dan selepas dua tiga minggu membunuh diri kerana dia tidak dapat menyesuaikan dirinya di dalam keadaan biasa dan tidak dapat mencari makan dengan kemahiran dan psychology sightnya yang ada itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya ingin memohon pihak Kementerian supaya perkara ini dikaji dengan mendalam supaya tidak berlaku apa yang berlaku sekarang. Kita memang bersimpati penuh dengan bekas-bekas tentera yang kebanyakannya pulang ke kampung menjadi papa, menjadi criminal. Kita ingin lahu banyak mana yang keadaan ini berlaku dan kalau significant, perlu diadakan satu program latihan ataupun deprogramming di kalangan tentera-tentera kita.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Klang.

5.55 ptg.

**Tuan Fong Kui Lun (Klang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk merujuk Butiran 00600 Maksud Pembangunan 25 Kelengkapan TUDM mukasurat 126.

Kes jet-jet pejuang Skyhawk yang banyak terhempas dalam nahas udara baik semasa latihan penerbangan ataupun semasa dalam tugas aman semakin bertambah. Ramai juruterbang TUDM terkorban dalam nahas ini. Mereka terkorban bukan kerana peperangan tetapi kerana kelemahan pentadbiran atau kelalaian Angkatan Tentera Malaysia. Nahas-nahas udara ini memperlihatkan kepada kita bahawa tahap kelemahan atau kepincangan dalam penyelenggaraan jet-jet pejuang dan kelengkapan tentera nampaknya

tidak membawa banyak perubahan walaupun masyarakat kerap membuat teguran dan pandangan selepas sahaja sesuatu nahas udara berlaku. Cerita jet-jet pejuang TUDM terhempas sudah menjadi satu perkara biasa dan orang ramai mempunyai tanggapan bahawa ia berpunca dari ketidakmampuan jet-jet tersebut terbang di udara.

Tuan Pengerusi, apakah jet-jet yang ada dan dibeli oleh TUDM ini ialah jet-jet lama, stok lama tetapi disifatkan sebagai pembelian baru. Jawapan kepada soalan inilah yang sering ditanya oleh rakyat tetapi malangnya setiap kali nahas berlaku, setiap kali pihak Angkatan Tentera Malaysia mengumumkan akan menjalankan siasatan terperinci punca-punca nahas dan mengkaji sejauhmana kemampuan jet-jet ini di udara semasa bertugas.

Tuan Pengerusi, tetapi setelah banyak kejadian berlaku nampaknya sehingga kini hasil laporan tidak diketahui. Apakah rakyat tidak perlu tahu mengenai hasil siasatan itu? Apakah hasil siasatan itu boleh membahayakan negara jika didedahkan?

Tuan Pengerusi, rakyat sudah tidak mahu lagi untuk mendengar cerita karut bagi apa jua amaran penyelewengan dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Kerajaan wajar mengumumkan hasil siasatan kepada rakyat dan pemakaian jet-jet pejuang yang ada sekarang harus disemak semula.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 010000 Maksud Bekalan 25, Pentadbiran Pertahanan, saya ingin membangkitkan perkara hal ehwal bekas perajurit. Jika dibandingkan dengan perkhidmatan Kerajaan yang lainnya, perkhidmatan dengan Angkatan Tentera adalah pada berjangka masa pendek. Anggota tentera lebih awal bersara daripada perkhidmatan dan mereka akan memasuki kehidupan awam lebih awal. Ada bekas perajurit yang berjaya dan ada yang menemui keagalalan. Bagi bekas

tentera yang berpencen mereka sekadar membuat kerja sambilan untuk menambah pendapatan keluarga tetapi bagaimana pula kepada mereka yang tidak berpencen seperti bekas askar Wataniah yang mana kehidupan mereka lebih sulit lagi setelah bersara. Mereka terpaksa melakukan berbagai pekerjaan untuk menyara tanggungan sama ada menjadi pengawal keselamatan jaga dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya anggota Wataniah dimasukkan ke dalam perkhidmatan berpencen dan disediakan dengan kemudahan seperti anggota tentera dari cawangan lain. Janganlah diwujudkan perbezaan di antara bahagian-bahagian angkatan tentera, misalnya Rejimen Askar Melayu dijadikan anak emas, sedangkan perkhidmatan lain kurang diberikan perhatian.

Menyentuh tentang pentadbiran pertahanan, saya ingin membangkitkan perkara ke arah tenaga ataupun nasional bagi melengkapkan anggota masyarakat kita dengan alam ketenteraan supaya mereka akan lebih bersedia jika negara kita terancam. Seruan ini ialah perkara yang kerap dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada masa lalu tetapi memandangkan rakyat kita perlu dibekalkan kemahiran dan kedisiplinan tentera maka ianya wajar diberikan pertimbangan semula.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan negara semasa musim aman, ini elok rasanya pihak Angkatan Tentera Malaysia menjalankan projek berdampingan dengan masyarakat ataupun dinamakan Tentera Bersama Rakyat. Mereka boleh diagih-agihkan kepada kawasan-kawasan perumahan di mana mereka boleh bercampur-gaul dengan masyarakat dan diadakan latihan kawad cara anggota bekerja dan aspek-aspek kelenteraan yang perlu diketahui oleh seseorang rakyat supaya ianya boleh digunakan dalam kehidupan harian. Ini sedikit sebanyak boleh membantu unluk

mengelakkan para pemuda dari terpengaruh dengan anasir-anasir negatif.

Tuan Pengerusi, projek-projek masyarakat ini boleh diatur dengan JKKK atau persatuan-persatuan penduduk dan dijadikan program mingguan atau dwi mingguan.

Tuan Pengerusi, tentang perumahan iaitu di bawah Butiran 01300, Maksud P.25 sebanyak \$30 juta telah diperuntukkan bagi perumahan anggota tentera,

Tuan Pengerusi, jumlah ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan keperluan untuk rumah bagi keluarga anggota tentera. Masih ramai anggota tentera yang terpaksa menyewa rumah di luar kem sama ada sewa rumah yang tinggi atau rendah, mereka terpaksa menyewanya. Program perumahan anggota tentera yang berterusan adalah sebaik penyelesaian bagi mengatasi kekurangan rumah bagi anggota tentera.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya mencadangkan supaya peruntukan perumahan anggota tentera ini ditambah menjadi tiga kali ganda dari jumlah yang ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan George Sangkin (Bandau):**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat);** Selepas Ahli Yang Berhormat dari Bandau berucap, Yang Berhormat Menteri diminta menjawab. Bandau.

6.04 ptg

**Tuan George Sangkin (Bandau):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh terlebih dahulu perkara P.25 dalam butiran Tentera Laut 00400 Kelengkapan dan juga Tentera Udara 00600 Kelengkapan.

Tuan Pengerusi, saya mengakui kepentingan Kementerian ini bagi mempertahankan keselamatan dan juga kedaulatan negara kita. Maka bekalan

yang disediakan untuk Maksud B.25 dan P.25 yang berjumlah \$4,319,188,000 itu adalah munasabah.

Baru-baru inipun Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri telah menyatakan kehendak Kementeriannya untuk memiliki alat-alat kelengkapan petahanannya yang lengkap dan yang baik atau state of the arts weapons, dengan izin. Dan sehubungan dengan ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pertahanan mengenai beberapa masalah yang khusus yang terdapat di negeri Sabah.

Pertama, yang saya ingin sentuhkan ialah mengenai masalah rompakan oleh lanun-lanun yang sering berlaku di tempat-tempat persisiran pantai seperti di Lahad Datu dan Sandakan, Sabah. Hampir perkara rompakan ini berlaku tiap-tiap tahun dan ianya berlaku sekali lagi pada penghujung November 1991 yang lalu dan perkara ini amatlah menyedihkan.

Tuan Pengerusi, apakah peranan Kementerian ini yang dapat mainkan bagi mengatasi masalah rompakan ini. Amat sedih sekali melihat rakyat kita sentiasa hidup dalam keadaan ketakutan. Saya berasa hairan dan berasa tidak puas hati ketika kita mengetahui Kementerian ini mengadakan kelengkapan-kelengkapan pertahanan yang bertaraf tinggi atau state of the arts weapons, sedangkan perkara-perkara seperti ini masih lagi berlaku. Saya inginlah menyarankan dan meminta Kementerian ini supaya meningkatkan pengawalan di sepanjang perairan di Sabah terutamanya di Bahagian Kudat, Lahad Datu, Sandakan dan tempat yang berhampiran dengannya melalui tentera udara dan tentera laut.

Tuan Pengerusi, menyentuh dengan perkara rompakan ini, saya juga mohon supaya Kementerian Pertahanan memberi ataupun bekerjasama dengan sepenuhnya dengan Kementerian Dalam Negeri, kerana kita ketahui atau dengar

selama ini hanya Kementerian Dalam Negeri khususnya pasukan Polis Marin yang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini. Dan saya berharap perhatian dapat diberikan sepenuhnya untuk mengatasi perkara ini.

Saya berbalik kepada perkara B.25. Butiran 040000 Latihan. Saya juga minta Kementerian ini supaya mengambil perhatian tentang latihan-latihan atau exercises yang dikendalikan oleh pasukan tentera darat di Sabah. Kita minta supaya apabila mengadakan latihan-latihan ataupun exercises di darat yang melibatkan kawasan-kawasan perkampungan terdapat penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan dengannya supaya memberikan pengumuman dan pemberitahuan yang seluas-luasnya dan pastikan supaya rakyat ataupun masyarakat yang tinggal berhampiran dengan tempat latihan diadakan diberitahu, diberi taklimat, dibawa dialog bersama supaya tidak ada kejadian yang berlaku, yang tidak diingini.

Satu perkara yang ingin saya sebut di sini sebagai contohnya, iaitu terdapat kecuaiannya oleh anggota-anggota tentera darat kita di situ ketika mengadakan latihan darat mereka di kawasan di bawah kawasan pilihanraya saya sendiri di daerah Kudat di mana terdapat kanak-kanak apabila latihan itu selesai diadakan, kita dapati ada peluru-peluru yang berselerakan tidak dikutip balik dengan sebaik-baiknya dan kanak-kanak yang tidak tahu apa-apa ini telah mengutip dan memainkan dengan peluru tadi sehingga meletup dan mencederakan anak itu sendiri.

Tuan Pengerusi, perkara ini walaupun perkara kecil tetapi amatlah serius juga untuk kita menjaga imej dan juga keyakinan masyarakat terhadap kumpulan pertahanan kita ini.

Tuan Pengerusi, kita minta supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi dan mohon supaya Kementerian berkenaan

dapat mengambil perhatian yang sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

6.09 ptg

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyentuh mengenai hal ehwal Kementerian Pertahanan semasa perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1992.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri telah mempersoalkan kewajaran keputusan Kerajaan Malaysia menawarkan Lumut sebagai pengkalan untuk menenggarakan kapal-kapal perang dari Amerika Syarikat. Dengan mengaitkan ini sebagai satu langkah yang akan memberi kesan yang buruk, kerana rakyat negeri Filipina telah membuat keputusan untuk mengusir keluar tentera Amerika Syarikat dari Subic Bay.

Perlu dijelaskan di sini bahawa ada perbezaan yang amat besar jika dibandingkan dengan tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan apa yang telah diberikan sebagai kemudahan kepada Angkatan Tentera Laut Amerika Syarikat di Subic Bay di mana Subic Bay merupakan satu pengkalan tetap, satu pengkalan yang amat besar dan di situ ditempatkan bilangan tentera dan aset tentera yang begitu besar sekali. Tetapi bagi pengkalan di Lumut nanti kalau sekiranya rancangan ini berjaya dan diterima oleh pihak Amerika Syarikat, hanya merupakan sekadar satu pengkalan untuk penyenggaraan sahaja, untuk baikpulih, untuk maintenance dan repair, dengan izin, tidak lebih daripada itu.

Justeru itu, langkah tawaran Kerajaan Malaysia ini perlulah dilihat sebagai satu

tawaran komersial sahaja, tidak merupakan satu tawaran yang ada implikasi politik, sama ada apa yang telah didakwakan, kemungkinan CIA campurtangan dalam urusan politik dalaman dan sebagainya, tidak akan berlaku. Saya yakin dengan kemampuan Kerajaan Malaysia dengan agensi-agensi yang ada di bawah kawalan kita bahawa perkara ini tidak akan berlaku. Kalau sekiranya ada bukti bahawa Amerika Syarikat cuba memainkan peranan mempengaruhi politik dalaman Malaysia, maka kita tetap akan membuat keputusan yang amat tegas dalam perkara ini.

Jadi, saya ingin memberi jaminan dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, bahawa tidak ada kesan negatif kepada politik dalaman Malaysia, malah langkah tawaran ini akan merupakan bukan sahaja satu perkembangan yang positif dari sudut ekonomi negara, tetapi peningkatan dari segi penguasaan teknologi baru, teknologi yang merupakan 'state of the art' yang ada kesan yang baik dari segi keupayaan kita dalam bidang ketenteraan, tetapi juga ada 'spin off' dengan izin, dalam bidang komersial.

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Dipersilakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Setakat ini adakah kita mempunyai pekerja-pekerja yang mahir di dalam bidang ini dan adakah kemungkinan kita akan jemput pekerja-pekerja yang mahir, yang berpengalaman di dalam bidang ini di Filipina untuk menjadi pekerja-pekerja di dalam dockyard Lumut itu kerana apa yang disebutkan tadi itu mungkin tidak berlaku lagi, cuma satu andaian sahaja.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, sukacita saya menyatakan di sini bahawa pihak Amerika Syarikat telah mengesahkan bahawa limbungan Lumut mempunyai kepakaran yang cukup tinggi dan kalau sekiranya bilangan kerja baikpulih begitu besar sekali yang akan ditawarkan nanti dan memerlukan tambahan pekerja yang mahir, kita akan buat tawaran untuk menambahkan lagi bilangan pekerja di dalam negara. Kalau sekiranya tidak mencukupi, barulah kita akan menimbangkan kemungkinan dibawa masuk pekerja-pekerja mahir dari negara-negara jiran, termasuk dari Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri juga telah menyentuh berkenaan dengan hubungan Malaysia dengan negara Singapura, terutama sekali dari segi bidang ketenteraan. Memang tidak dinafikan bahawa ada unsur curiga-mencurigai di antara negara Malaysia dan negara Singapura kerana hubungan sejarah yang membawa implikasinya sehinggalah pada hari ini. Apa yang harus kita lakukan ialah untuk memperkukuhkan keyakinan ataupun, dengan izin, confidence building measures yang perlu dilakukan dari masa ke semasa, malah penubuhan ASEAN itu sendiri boleh dianggap sebagai satu confidence building measure yang amat besar sekali.

Untuk menyokong semangat ASEAN, kita akan meneruskan latihan bersama dengan negara Singapura. Dalam hubungan ini, pada tahun hadapan, dijangka bulan Mei, kita akan memulakan latihan bersama yang lelah ditangguh buat sementara waktu dengan tentera Singapura, termasuk latihan Angkatan Tentera Darat akan juga dilakukan pada tahun hadapan. Oleh itu, dengan adanya latihan bersama ini diharap akan menambahkan lagi keyakinan untuk bekerjasama di dalam keadaan mendokong kepentingan keselamatan rantau ini dan di samping

itu juga kita akan dapat memastikan bahawa kerjasama ini akan merupakan teras kepada menjaga keamanan seluruh rantau ASEAN ini.

Berhubung dengan soal Pulau Batu Puteh, ini tidak wajar dikaitkan dengan peranan utama Kementerian Pertahanan pada masa sekarang ini kerana kalau Kementerian Pertahanan merupakan barisan hadapan dalam menyelesaikan masalah tuntutan ini, agak besar implikasinya. Jadi pada masa sekarang ini kita hanya melihat ini sebagai satu usaha....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sila.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, apa yang saya timbulkan tadi iaitu Singapura nampaknya lebih curiga kepada Malaysia. Bila ditanya oleh warlawan Far Eastern Economic Review kenapa Angkatan Tentera Singapura, terutama pegawai berpangkat atasannya tidak diambil langsung orang Melayu, katanya dia bimbang jikalau berlaku sesuatu perkara dengan Malaysia. Jadi dia tak ambil Melayu bekerja kerana dia bimbang dengan Malaysia. Ertinya, mereka seolah-olah ada provokasi dengan mereka mengambil pula Pulau Batu Puteh. Jadi, bagaimana pandangan Kementerian Pertahanan dalam hal ini?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, tidak wajar bagi saya untuk memberi komen kepada hal ehwal pentadbiran sebuah negara yang lain. Walaupun Kementerian Pertahanan ada pendirian kita dalam hubungan ini, walaupun sudah tentu kita tidak bersetuju dengan kenyataan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat

itu, tetapi kita anggap ini sebagai hak negara yang lain untuk buat keputusan dalaman, sepertimana kita anggap hak kita membuat keputusan mengenai hal ehwal di dalam negara kita ini.

Berhubung dengan soal Pulau Batu Puteh, ianya merupakan penyelesaian di peringkat urusan diplomatik yang akan dilakukan oleh Wisma Putra dan Jabatan-jabatan yang lain, Kita mesti pastikan bahawa prinsip yang digunakan untuk menyelesaikan soal Pulau Batu Puteh ini merupakan prinsip yang konsisten untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang lain. Kita tidak boleh melihat soal Pulau Batu Puteh ini berasingan. Jangan kita gunakan satu prinsip untuk menyelesaikan Pulau Batu Puteh yang merugikan kita dalam soal-soal yang lain.

Jadi, ini memerlukan satu kajian yang begu teliti, terpaksa kita mencari bahan-bahan dokumen sejarah yang begu lama yang tersimpan, bukan sahaja di dalam negara kita tetapi di tempat-tempat seperti di London dan sebagainya supaya pendirian kita didokong dengan mengeluarkan asas-asas yang kukuh. Setakat inilah perkara ini berada dan kita tidak seharusnya menggembar-gemburkan lagi isu seperti ini walaupun pendirian politik di peringkat akar-umbi amal difahami oleh pihak Kerajaan.

Saya memberi jaminan di sini soal prinsip kedaulatan negara, soal kepentingan strategik negara tidak akan dikorbankan oleh Kerajaan. Apa yang perlu dibuat ialah supaya langkah untuk menyelesaikan perkara ini dibuat dengan pertimbangan yang sebaik mungkin supaya ianya tidak menjejaskan kepentingan yang lebih besar untuk negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah menyatakan, menyentuh berkenaan dengan Dewan Lumut di Lumut yang agaknya terlalu panas kerana tidak ada air-condition ataupun tidak ada hawa

dingin di dewan yang berkenaan. Sukacita saya memaklumkan bahawa Dewan baru sepatutnya sudah siap, tetapi masalah kontraktor yang meninggalkan kerja pembinaan Dewan baru sekarang ini masih tidak siap lagi. Jadi, dewan yang ada sekarang ini dewan sementara sahaja. Walau bagaimanapun, kita akan memberi perhatian kepada apa yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari kepong telah menyentuh berkenaan dengan aliran ataupun trend pemikiran rata-rata terutama sekali di Amerika Syarikat yang telah mengurangkan perbelanjaan pertahanannya dengan jumlah yang agak besar dan meminta supaya Kerajaan menimbang semula ataupun mengkaji semula peruntukan untuk sektor pertahanan khususnya untuk Kementerian Pertahanan. Suka saya menyatakan di sini bahawa sebahagian besar daripada peruntukan itu diperlukan kerana kita tidak membelanjakan dengan besarnya ataupun dengan banyaknya untuk Kementerian Pertahanan, lebih-lebih lagi untuk peralatan pertahanan dalam masa tiga Rancangan Malaysiatermasuk yang Kelima sebelum ini. Bererti bahawa penekanan kita selama ini ialah dari segi bidang untuk menghadapi ancaman komunis dalam bentuk communist insurgency dan bukan untuk melihat keupayaan kita untuk menjaga kepentingan negara Malaysia dari segi kedaulatan dan kepentingan strategiknya.

Disebabkan perbelanjaan kita begitu rendah selama ini berbanding dengan negara-negara lain seperti di negara Singapura di mana perbelanjaan pertahanannya begitu tinggi dan telah dikekalkan sekian lama pada paras yang tinggi, sekarang ini dari segi keupayaan sebuah angkatan tentera yang moden dan berkesan, kita agak ketinggalan. Dan oleh itu memerlukan satu lempoh masa dalam masa 10, 15 tahun akan datang sekurang-kurangnya sampailah kepada tahun 2000 untuk mengurang ataupun

mengatasi kepincangan, kekurangan dari segi keupayaan ataupun capability. Kita tidak boleh melihat kepentingan pertahanan semata-mata dari sudut persepsi ancaman sahaja ataupun threat perception sahaja, tetapi perlulah diasaskan kepada capability ataupun keupayaan kerana kalau kita membuat keputusan berasaskan kepada threat perception—threat perception boleh berubah dengan sekelip mata dan kalau ianya berubah, kita berada dalam keadaan tidak bersedia untuk menghadapi perubahan yang begitu mendadak kalau sekiranya ianya berlaku.

Walau bagaimanapun, prinsipnya ialah prinsip cost effective di mana perbelanjaan untuk pertahanan mestilah dibelanjakan dengan melihat dari segi keupayaan ataupun perimbangan dari segi kewajaran keputusan itu dibuat. Jadi, prinsip cost effectiveness hendaklah diberi perhatian dalam menentukan peruntukan untuk Kementerian Pertahanan.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun lagi.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya hendak teruskan, Tuan Pengerusi. Minta maaf, ya! Soal Depoh Peluru, saya sudah pun membuat kenyataan dalam perkara ini di mana kerja baikpulih Depoh Peluru di Melaka akan dilakukan pada tahun hadapan. Peruntukan yang kita sediakan ialah dalam lchih kurang \$ 15 juta—tidak sampai \$30 juta dan langkah untuk mengeluarkan tender bagi kerja baikpulih ini sedang dalam proses.

Berhubung dengan perkara masa depan Langkawi sebagai pusat aerospace dan maritime technology, seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perkara ini adalah dalam tindakan peringkat untuk menentukan apa dia ataupun sejauh

mana sambutan terhadap rancangan ini dari segi viability-nya terlebih dahulu dan kalau sekiranya ada response yang baik, insya Allah, ianya akan dilaksanakan di Langkawi.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah menyentuh dengan agak begitu spesifik atas perkara hal ehwal Kementerian Pertahanan. Tidak hairanlah memandangkan kepada pengalaman beliau dahulu sebagai seorang bekas tentera. Saya ingin menyatakan bahawa pandangan beliau itu amat tepat sekali saranan-saranannya terutama sekali dari segi perlunya angkatan sukarelawan negara diperkukuhkan lagi. Setakat ini, kita telah mengkaji semula keperluannya dan kita telah menentukan nisbah asal 3:1 itu sekarang ini merupakan 1:1 sahaja. Bererti, satu askar regular pada satu askar reserve ataupun reservist, Tuan Pengerusi.

Walau bagaimanapun, kita tidak sampai lagi ke tahap ratio atau nisbah ini kerana masalah elaanunnya—elaun latihan, elaun perjalanan, elaun bounty dan sebagainya tidak dapat dikaji semula lagi kerana kadar sekarang ini terlalu rendah sehingga kalau seorang itu menggunakan kemudahan motosikal, barangkali dia terpaksa belanja lebih daripada apa yang diterima dalam bentuk elaun kalau dia dipanggil untuk membuat latihan. Jadi, perkara ini kita sudah menentukan apa dia pendirian Kementerian Pertahanan. Syor-syor telah dihantar kepada agensi-agensi pusat hampir dua tahun dahulu, tetapi belum ada lagi keputusan daripada agensi pusat dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan latihan-latihan dan sebagainya, sukacita saya menyatakan bahawa latihan yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan ialah begitu menyeluruh sehingga askar kita dalam soal latihan sekarang ini lebih sibuk daripada masa mereka menghadapi ancaman komunis. Jadi, kita memang menekankan priority atau keutamaan yang cukup tinggi dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pulau Spratly yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, pendirian Malaysia dalam hubungan ini ialah kepulauan Spratly itu memang tetap hak Malaysia. Walau bagaimanapun, disebabkan ada masalah pertindihan dari segi tuntutan dan disebabkan sebahagian daripada Pulau Spratly itu telah diduduki oleh kuasa asing, kita melihat perkara ini sebagai satu masalah diplomatik sekarang ini untuk diselesaikan dan tidak melibatkan kekuatan ataupun tidak akan membawa implikasi kepada penggunaan tentera untuk menyelesaikan masalah ini. Walau bagaimanapun, dari segi Malaysia, rancangan untuk mewujudkan satu landasan kapal terbang di Spratly akan

tetap kita laksanakan walaupun ada bantahan daripada negara lain, tetapi Malaysia akan meneruskan rancangan pembinaan landasan kapal terbang di Kepulauan Terumbu Layang-Layang.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat);** Yang Berhormat Menteri, masa sudah suntuk. Yang Berhormat Menteri diminta sambung esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*